Draf

Jilid 3

# RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)



## LAPORAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

KERAJAAN NEGERI PAHANG

MAJLIS DAERAH PEKAN

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

## JILID 3

## LAPORAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Adalah dengan ini disahkan bahawa Dokumen
Draf Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)
ini telah disediakan berdasarkan kepada peruntukan
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
dan telah mematuhi segala kehendak dan keperluan di bawah
Prosedur Kualiti Khas Rancangan Tempatan [PKK (RT)],
Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015

Disahkan oleh:

TPr. Gs. Dr. Shamsaini binti Shamsuddin
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Tarikh : September 2020

DRAF

# RANCANGAN TEMPATAN DAERAH

# PEKAN 2035

## (PENGGANTIAN)

Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) yang disediakan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Disediakan untuk:

**MAJLIS DAERAH PEKAN**

Disediakan oleh:

**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman

*Planning : Beyond Conventional*

Dengan kerjasama:

**PLAN**Malaysia@Pahang

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang

**2020**

## ISI KANDUNGAN


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **PENGENALAN** | | 1-1 |
| | 1.1 | Kandungan Laporan | 1-1 |
| **2.0** | **PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN** | | 2-1 |
| | 2.1 | Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Pekan 2035 (Penggantian) | 2-2 |
| | 2.2 | Peneraju Projek dan Pembiayaan | 2-3 |
| | 2.3 | Projek Keutamaan Rancangan Tempatan Pekan 2035 (Penggantian) | 2-6 |
| | 2.4 | Projek dan Program yang Melibatkan Majlis Daerah Pekan sebagai Agensi Pemula | 2-9 |
| | 2.5 | Projek Keutamaan Rancangan Tempatan Pekan 2035 (Penggantian) | 2-11 |
| | 2.6 | Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 Mengikut Teras, Fasa Pelaksanaan, Agensi Pemula dan Kos Pembangunan | 2-16 |
| **3.0** | **PENILAIAN IMPAK SOSIAL** | | 3-1 |
| | 3.1 | Pengenalan | 3-1 |
| | 3.2 | Sensitiviti Masyarakat Daerah Pekan dan Hubungan Sosial | 3-2 |
| | 3.2.1 | Kumpulan Sosial Penduduk | 3-2 |
| | 3.2.2 | Masyarakat Melayu Pekan Pahang | 3-2 |
| | 3.2.3 | Masyarakat Kawasan Petempatan FELDA/FELCRA | 3-3 |
| | 3.2.4 | Bumiputera Orang Asli Daerah Pekan | 3-4 |
| | 3.2.5 | Masyarakat Melayu Kemboja | 3-4 |
| | 3.3 | Kawasan Sensitif Sosial | 3-6 |
| | 3.4 | Kategori SIA Menurut Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2 | 3-14 |
| | 3.4.1 | SIA Kategori 1 | 3-14 |
| | 3.4.2 | SIA Kategori 2 | 3-14 |
| | 3.4.3 | SIA Kategori 3 | 3-14 |
| | 3.5 | Cadangan Projek/Program Serta Keperluan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial | 3-18 |
| | 3.5.1 | Projek-Projek yang Memerlukan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial | 3-18 |
| | 3.5.2 | Projek dan Program Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) yang tidak Memerlukan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial | 3-22 |
| **4.0** | **PENGURUSAN KEMAMPANAN** | | 4-1 |
| | 4.1 | Isu Kemampanan Daerah Pekan | 4-1 |
| | 4.2 | Objektif dan Indikator Kemampanan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-4 |
| | 4.3 | Objektif Kemampanan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-8 |
| | 4.4 | Sasaran Pencapaian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-9 |


## SENARAI CARTA


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Carta 2.1 | *Outcome* Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 2-1 |
| Carta 2.2 | Jumlah Keseluruhan Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 2-2 |
| Carta 2.3 | Pembahagian Jumlah Projek Mengikut Peneraju | 2-3 |
| Carta 2.4 | Pecahan Peneraju Projek Mengikut Teras | 2-4 |
| Carta 2.5 | Pecahan Kos Pembiayaan | 2-4 |
| Carta 2.6 | Projek-projek Berimpak Tinggi, *Quick Win*, *Enabler* | 2-7 |
| Carta 3.1 | Komposisi Penduduk mengikut Bangsa, Daerah Pekan, 2018 | 3-2 |

## SENARAI JADUAL


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Jadual 2.1 | Fasa Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 2-2 |
| Jadual 2.2 | Aspek Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 2-2 |
| Jadual 2.3 | Bilangan Projek dan Program mengikut Teras | 2-3 |
| Jadual 2.4 | Pembahagian Projek Mengikut Peneraju Teras Pembangunan | 2-4 |
| Jadual 2.5 | Kos Pembangunan Projek dan Pembiaya | 2-5 |
| Jadual 2.6 | Projek Berimpak Tinggi, Projek *Quick Win* dan Projek *Enabler* Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 2-7 |
| Jadual 2.7 | Majlis Daerah Pekan Selaku Pemula Projek, serta Agensi Awam dan Swasta dalam Pelaksanaan dan Pengurusan Projek | 2-9 |
| Jadual 2.8 | Projek Berimpak Tinggi | 2-11 |
| Jadual 2.9 | Projek *Quickwin* | 2-13 |
| Jadual 2.10 | Projek *Enabler* | 2-14 |
| Jadual 2.11 | Cadangan Projek/Program Teras 1 : Pembangunan Spatial yang Seimbang | 2-16 |
| Jadual 2.12 | Cadangan Projek/Program Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | 2-19 |
| Jadual 2.13 | Cadangan Projek/Program Teras 3 : Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | 2-22 |
| Jadual 2.14 | Cadangan Projek/Program Teras 4 : Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | 2-27 |
| Jadual 2.15 | Cadangan Projek/Program Teras 5 : Tadbir Urus Efektif dan Efisien | 2-28 |
| Jadual 3.1 | Perkampungan Utama Orang Asli di Daerah Pekan | 3-4 |
| Jadual 3.2 | Pengenalpastian Kawasan Sensitif Sosial | 3-7 |
| Jadual 3.3 | Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 1 | 3-15 |
| Jadual 3.4 | Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 2 | 3-16 |
| Jadual 3.5 | Contoh Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 3 | 3-17 |
| Jadual 3.6 | Projek-Projek yang Dicadang untuk Penyediaan Penilaian Impak Sosial | 3-19 |
| Jadual 3.7 | Cadangan Projek/Program yang tidak Memerlukan Penilaian Impak Sosial | 3-22 |
| Jadual 4.1 | Isu-isu Kemampanan Daerah Pekan | 4-2 |
| Jadual 4.2 | Pernyataan Isu Strategik, Objektif Pembangunan Mampan dan Penentuan Indikator Pembangunan Mampan | 4-4 |
| Jadual 4.3 | Objektif Pembangunan Mampan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-8 |
| Jadual 4.4 | Sasaran Pencapaian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-9 |


## SENARAI RAJAH


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Rajah 2.1 | Projek Impak Tinggi dan Projek 'Quick Win' | 2-8 |
| Rajah 3.1 | Kawasan Sensitif Sosial Daerah Pekan | 3-12 |
| Rajah 4.1 | Proses Penyediaan Penilaian Kemampanan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | 4-1 |

# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 KANDUNGAN LAPORAN

Laporan Jilid 3 Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) merupakan laporan sokongan penting yang memperincikan perihal pengurusan dan pelaksanaan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan mampan cadangan-cadangan sehingga hujung tahun perancangan 2035. Laporan ini akan memperincikan tiga (3) perkara seperti berikut:

1. Laporan Pengurusan dan Pelaksanaan akan memperincikan perkara-perkara berikut :
   - Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)
   - Peneraju Projek dan Pembiayaan
   - Projek Keutamaan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) - Fasilitator pembangunan iaitu pengenalpastian projek utama dan memberi impak besar kepada Daerah Pekan
   - Projek dan program yang melibatkan Majlis Daerah Pekan sebagai agensi pemula
   - Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) mengikut Teras, Fasa Pelaksanaan, Agensi Pemula dan Kos Pembangunan

2. Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) pula membincangkan :
   - Sensitiviti Masyarakat Daerah Pekan dan Hubungan Sosial
   - Kawasan Sensitif Sosial Daerah Pekan
   - Kategori Kajian Penilaian Sosial (SIA) menurut Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2
   - Cadangan Projek/Program Serta Keperluan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial
   - Projek-Projek yang Memerlukan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial dan Tidak Memerlukan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial

3. Laporan Pengurusan Kemampanan (SA) memperincikan :
   - Isu Kemampanan Daerah Pekan
   - Objektif dan Indikator Kemampanan
   - Sasaran Kemampanan Daerah Pekan 2035



# 2.0 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Pengurusan dan Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) antara lain akan meneliti cadangan-cadangan untuk membangunkan Daerah Pekan berdasarkan kepentingan dan fungsi serta fungsi peranan pelbagai agensi terutama Majlis Daerah Pekan. Ia meneliti projek-projek dan program-program yang telah dirancangkan dan merumuskan kaedah pelaksanaan, pengurusan projek dan anggaran kos projek dan fasa pelaksanaannya.

Penumpuan diberikan kepada projek-projek utama dari senarai keseluruhan projek yang dikenalpasti oleh Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian). Satu (1) senarai pendek projek-projek keutamaan telah disediakan. Sebahagian dari projek-projek ini merupakan projek yang boleh disertai/dilaksanakan oleh Majlis Daerah Pekan. Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) telah mengenalpasti projek-projek utama PBT yang boleh meningkatkan sumber ekonomi majlis seterusnya mengenalpasti kaedah pelaksanaannya.

Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) juga akan mencadangkan sumber-sumber kewangan serta kaedah pelaksanaan lain seperti pengukuhan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta serta penglibatan penduduk. *Outcome* RT adalah seperti di **Carta 2.1**.

**Carta 2.1 : *Outcome* Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

**1 — Kawalan perancangan**

Kawalan perancangan yang lebih komprehensif oleh PBT melalui pematuhan terhadap kelas dan zon guna tanah.

**2 — Pengukuhan perkhidmatan PBT**

Peningkatan kemudahan sokongan, perkhidmatan dan institusi secara bersepadu.

**3 — Pemudahcara pelaksanaan projek**

Memudahcara pelaksanaan cadangan projek pembangunan yang menyokong Daerah Pekan menjelang tahun 2035.

**4 — Pemantapan urus tadbir PBT**

Memantapkan Majlis Daerah Pekan sebagai PBT yang unggul melalui urus tadbir yang berkesan dan sistematik dengan sasaran menaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Pekan menjelang tahun 2025.

**5 — Peningkatan sumber pendapatan**

Peningkatan sumber pendapatan berkaitan yang pelbagai untuk memantapkan urus tadbir Majlis Daerah Pekan sebuah organisasi pentadbiran Kerajaan Tempatan yang stabil.

**6 — Pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dikenal pasti di dalam RT**

Menarik kemasukkan pelabur ke zon-zon ekonomi daerah yang telah dikenal pasti dan melaksanakan projek-projek RT seperti agro-makanan, pembuatan dan pemprosesan, perdagangan dan perkhidmatan, pelancongan, pendidikan dan latihan dan juga pembangunan bandar.

## 2.1 PELAKSANAAN PROJEK RANCANGAN TEMPATAN PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Cadangan-cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) telah dikemukakan secara jelas samada ianya adalah sebuah projek, sebuah program ataupun kaedah kawalan pembangunan. Fasa pelaksanaan projek pula melibatkan pecahan mengikut fasa tahun-tahun Rancangan Malaysia seperti **Jadual 2.1** berikut.

**Jadual 2.1 : Fasa Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

| **Fasa Pelaksanaan** | Jangka Pendek | Jangka Sederhana | Jangka Panjang | |
|---|---|---|---|---|
| **Tahun** | RMK-12 (2021-2025) | RMK-13 (2026-2030) | RMK-14 (2031-2035) | Selepas RMK 14 (Sehingga tahun 2050) |

Aspek pelaksanaan lain yang diteliti ialah aspek pihak pelaksanaan bermula dari peringkat perancangan/peneraju, pihak pelaksana dan pihak pengurusan. Aspek lain pengurusan projek yang dikenal pasti ialah anggaran kos projek dan sumber kewangan bagi melaksanakan projek. Lihat cadangan seperti **Jadual 2.2** berikut.

**Jadual 2.2 : Aspek Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

| **Agensi Pelaksana** | Peneraju | Pelaksana | Pengurusan |
|---|---|---|---|
| **Anggaran Kos** | Di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan harga semasa | | |
| **Sumber Kewangan** | 1. Sama ada projek akan dibiayai oleh swasta atau kerajaan.<br>2. Sekiranya pihak kerajaan adakah ia melibatkan kewangan pihak Berkuasa Tempatan, pihak Kerajaan Negeri Pahang atau pun sumber kewangan dari Kerajaan Persekutuan samada dari bajet kementerian dan jabatan-jabatan<br>3. Projek-projek penswastaan (awam-swasta) | | |

Sejumlah **144** cadangan oleh Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) melibatkan teras-teras berikut (rujuk **Jadual 2.3**). Teras pertumbuhan ekonomi menerajui jumlah cadangan terbanyak iaitu 37.5 peratus dari keseluruhan cadangan. Cadangan Teras 4 walaupun dengan jumlah paling rendah tidak bermaksud bahawa teras ini kurang diberikan perhatian. Cadangan-cadangan dari Teras 4 ini lebih bertumpu kepada kawalan kawasan-kawasan KSAS dan kawasan-kawasan kepentingan aset semula jadi daerah. Rujuk **Carta 2.2** untuk perincian projek dan program menurut teras pembangunan.

**Carta 2.2 : Jumlah Keseluruhan Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**



**Jadual 2.3 : Bilangan Projek dan Program mengikut Teras**

| | Teras Pembangunan | Jumlah Keseluruhan | Peratus (%) | Jumlah Projek | Peratus (%) | Jumlah Program | Peratus (%) | Jumlah Kawalan | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pembangunan Spatial yang Seimbang | 34 | 23.61 | 18 | 18.00 | 7 | 13.21 | 15 | 34.09 |
| 2 | Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | 34 | 23.61 | 31 | 31.00 | 6 | 11.32 | 5 | 11.36 |
| 3 | Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | 54 | 37.50 | 33 | 33.00 | 27 | 50.94 | 11 | 25.00 |
| 4 | Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | 8 | 4.86 | 5 | 5.00 | 7 | 13.21 | 7 | 15.91 |
| 5 | Tadbir Urus Efektif dan Efisien | 14 | 10.42 | 13 | 13.00 | 6 | 11.32 | 6 | 13.64 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **144** | **100.00** | **100** | **100.00** | **53** | **100.00** | **44** | **100.00** |

Nota:

[1] Jumlah keseluruhan merupakan jumlah keseluruhan cadangan mengikut teras.

[2] Jumlah projek dan program tidak menunjukkan bilangan cadangan kerana terdapat projek yang terlibat dalam kategori projek dan program.

[3] Projek swasta turut melibatkan projek kerjasama awam swasta.

## 2.2 PENERAJU PROJEK DAN PEMBIAYAAN

Dari keseluruhan 144 projek, 76 peratus darinya diteraju oleh kerajaan manakala 23.61 diteraju oleh swasta ataupun secara usahasama awam-swasta (rujuk **Carta 2.3**). Projek-projek dari Teras 1 membentuk peratusan terbesar (hampir 30%) dari keseluruhan projek-projek kerajaan, antaranya dari projek perumahan mampu milik dan projek-projek pembangunan kemudahan masyarakat. Walau bagaimana pun, jumlah projek-projek infrastruktur dan ekonomi yang turut diteraju oleh kerajaan juga agak ketara iaitu 29 unit projek bagi setiap satu teras. Bagi projek-projek yang diteraju oleh swasta pula sangat cenderung pada teras ekonomi (Teras 3) iaitu 25 unit projek. Perincian peneraju projek mengikut teras adalah di **Carta 2.4** dan **Jadual 2.4**.

**Carta 2.3 : Pembahagian Jumlah Projek Mengikut Peneraju**



**Carta 2.4 Pecahan Peneraju Projek Mengikut Teras**




**Jadual 2.4 : Pembahagian Projek Mengikut Peneraju Teras Pembangunan**

| Teras Pembangunan | | Cadangan Projek | | | | | Jumlah Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kerajaan | % | Swasta | % | Jumlah Keseluruhan | |
| 1 | Pembangunan Spatial yang Seimbang | 32 | 29.09 | 2 | 5.88 | 34 | 34.97 |
| 2 | Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | 29 | 26.36 | 5 | 14.71 | 34 | 41.07 |
| 3 | Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | 29 | 26.36 | 25 | 73.53 | 54 | 99.09 |
| 4 | Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | 7 | 6.36 | 0 | 0.00 | 7 | 6.36 |
| 5 | Tadbir Urus Efektif dan Efisien | 13 | 11.82 | 2 | 5.88 | 15 | 17.70 |
| | **Jumlah** | **110** | **76.39** | **34** | **23.61** | **144** | **100.00** |

Cadangan-cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) melibatkan sejumlah **RM 6,245.93 juta** kos pembangunan yang terbahagi hampir seimbang antara kerajaan dan swasta iaitu dengan nisbah peratus **49: 51** (rujuk **Jadual 2.5** dan **Carta 2.5**). Namun begitu, pendekatan pelaksanaan projek-projek Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) dirancangkan secara berhati-hati supaya berdaya maju iaitu tidak melibatkan kos implikasi yang terlalu tinggi dan tekanan kepada pihak awam untuk menampung pelaksanaannya. Projek-projek kerajaan melibatkan peruntukan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan.

Terdapat beberapa projek yang diteraju pihak swasta merupakan projek penswastaan yang mana ia dimulakan oleh kerajaan misalnya projek perumahan mampu milik dan projek pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pekan dan kebanyakan projek ini berskala besar dan mengambil masa pelaksanaan lebih panjang bergantung kepada proses menarik masuk pelaburan luar ke Daerah Pekan.

**Pelaburan masuk swasta** lebih RM2,500 juta ini akan dilaburkan di Daerah Pekan sepanjang 30 tahun perancangan iaitu dari tahun 2020 sehingga 2050, dan ini adalah kira-kira sejumlah purata **RM 84 juta setahun**. Pelaburan masuk ini dijangka akan terus memacu pembangunan daerah dan kemajuan ekonomi.

**Carta 2.5 : Pecahan Kos Pembiayaan**




**PELABURAN MASUK SWASTA SEHINGGA TAHUN 2050 - RM2.5 BILLION RM84 JUTA SETAHUN**

Walau bagaimanapun, komitmen kerajaan di dalam pembangunan projek-projek infrastruktur dan utiliti seperti bekalan air, tebatan banjir dan pembangunan jalanraya menyaksikan sejumlah RM1,572.50 juta perlu diperuntukkan oleh kerajaan, dan projek-projek jenis ini membentuk 96 peratus dari keseluruhan pembiayaan projek-projek kerajaan. Sebahagian projek pembinaan infrastruktur ini akan dilaksanakan melangkaui tahun perancangan memandangkan kos keseluruhan yang agak tinggi, namun perlu diteruskan kerana ia merupakan projek-projek *enabler*.

Pembiayaan pihak swasta dalam bentuk pelaburan termasuk melalui pendekatan penswastaan tertumpu di dalam projek-projek pembangunan ekonomi iaitu 78 peratus dari keseluruhan projek yang dibiayai oleh mereka dengan sejumlah RM2,534.36 juta. Projek penswastaan juga menyaksikan penyertaan swasta dalam pembangunan kemudahan institusi di bawah Teras 5 : Urustadbir Efektif dan Efisien. Kaedah penswastaan ini memberi peluang menang-menang untuk kedua-dua pihak awam dan swasta. Keupayaan kewangan pihak kerajaan yang terhad perlu diseimbangkan dengan mengajak pihak swasta memajukan tanah pembangunan melalui kaedah *land swap* atau penawaran hak *(development rights)* memajukan ruang lantai komersial dengan syarat mereka membantu membangunkan bangunan institusi dan kemudahan awam termasuk bagi tujuan sewaan. Rujuk **Jadual 2.5** untuk perincian.

**Jadual 2.5 : Kos Pembangunan Projek dan Pembiaya**

| Teras Pembangunan | | Kos Pembangunan (RM Juta) | | | | Jumlah (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kerajaan | % | Swasta | % | |
| 1 | Pembangunan Spatial yang Seimbang | 699.03 | 57.48 | 517.00 | 42.52 | 1,216.03 |
| 2 | Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | 1,572.50 | 96.24 | 61.50 | 3.76 | 1,634.00 |
| 3 | Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | 692.04 | 21.45 | 2,534.36 | 78.55 | 3,226.40 |
| 4 | Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | 88.50 | 100.00 | - | 0.00 | 88.50 |
| 5 | Tadbir Urus Efektif dan Efisien | 23.00 | 28.40 | 58.00 | 71.60 | 81.00 |
| | **Jumlah** | **3,075.07** | **49.23** | **3,170.86** | **50.77** | **6,245.93** |

Perancangan projek-projek Teras 4 tidak melibatkan pembiayaan swasta secara langsung. Ia merupakan komitmen kerajaan untuk mengawal dan memberi impak yang ketara kepada persekitaran kawasan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian). Persekitaran semula jadi dan ekosistem dengan biodiversiti yang terpelihara (seperti Tapak Biosfera Tasik Chini) dan pembangunan eko-pelancongan bertujuan menarik minat lebih ramai pelancong *high value* yang datang termasuk pelancong antarabangsa, menggalakkan pelancong membuat lawatan ulangan dan berbelanja dengan lebih baik. Dengan cara itu, pulangan dari aktiviti-aktiviti perbandaran (komersial) dan pelancongan akan berganda dan ia akan memberi pulangan pendapatan kepada penduduk serta meningkatkan hasil pulangan kepada Majlis Daerah Pekan dalam bentuk kutipan hasil cukai.

## 2.3 PROJEK KEUTAMAAN RANCANGAN TEMPATAN PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menyediakan cadangan-cadangan projek keutamaan iaitu projek berimpak tinggi, projek *quick win* dan *enabler* sebagai output kajian utama berdasarkan kepada *outcome-outcome* yang disasarkan oleh daerah. Projek-projek keutamaan dirancangkan untuk dilaksanakan sepanjang tahun perancangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) mengikut fasa-fasa pelaksanaan berdasarkan Rancangan-rancangan Malaysia setiap 5 tahun dan melangkaui sehingga 30 tahun bagi projek-projek mega dan memerlukan kemasukan nilai pelaburan yang tinggi.

**Projek Berimpak Tinggi (HIP)**

Projek berimpak tinggi ialah cadangan projek yang berpotensi, strategik dan mampu memberi impak besar dan kesan pengganda (*multiplier effect*) kepada pembangunan Daerah Pekan

**Projek *Enablers***

Projek penggerak yang menjadi sumberdaya projek lain, hanya setelah ia berjaya, projek-projek lain akan boleh/ lebih mudah dilaksanakan.

**Projek *Quick Win***

Projek yang mampu membawa kejayaan segera antara lain kerana ia telahpun dimulai lebih awal, ataupun mekanisma pelaksanaannya telah tersedia.

**Strategi Utama**

Projek yang boleh menangani isu strategik diangkat dari cadangan inisiatif pelaksanaan utama Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)

Faktor pemilihan projek sebagai projek keutamaan adalah seperti berikut:

**Projek Berkepentingan**

Projek berkepentingan negeri, negara, Wilayah Pantai Timur dan daerah




**Kelestarian Daerah**

Projek yang berkepentingan kelestarian daerah dan perlu dilaksanakan pada kadar segera

**Projek Impak Ketara**

Projek yang memberi impak ketara kepada persekitaran tepubina dan kehidupan

**Pemacu Daya Saing**

Pojek yang boleh memacu keseimbangan pembangunan negeri

Dari sejumlah 143 projek/program, 27 buah projek (42.19%) telah dikenalpasti sebagai projek berimpak tinggi Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian). 19 buah projek pula merupakan projek *quick win* (29.69%) dan 18 buah projek *enabler* (28.13%). Rujuk **Jadual 2.6** dan **Carta 2.6** untuk perincian jumlah dan peratusan. **Rajah 2.1** menunjukkan taburan projek-projek berimpak tinggi, *quick win* dan *enabler*.

**Jadual 2.6 : Projek Berimpak Tinggi, Projek *Quick Win* dan Projek *Enabler* Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

| Teras Pembangunan ` | Berimpak Tinggi | Peratus (%) | *Quick Win* | Peratus (%) | *Enabler* | Peratus (%) | *Jumlah* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang | 1 | 10.00 | 3 | 30.00 | 6 | 60.00 | 10 |
| Teras 2: Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | 6 | 28.57 | 8 | 38.10 | 7 | 33.33 | 21 |
| Teras 3: Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | 16 | 76.19 | 5 | 23.81 | 0 | - | 21 |
| Teras 4: Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | 3 | 37.50 | 3 | 37.50 | 2 | 25.00 | 8 |
| Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien | 1 | 25.00 | 0 | - | 3 | 75.00 | 4 |
| **Jumlah** | **27** | **42.19** | **19** | **29.69** | **18** | **28.13** | **64** |

**Carta 2.6 : Projek-projek Berimpak Tinggi, *Quick Win, Enabler***




| | Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang | Teras 2: Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu | Teras 3: Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing | Teras 4: Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan | Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien |
|---|---|---|---|---|---|
| ENABLER | 6 | 7 | 0 | 2 | 3 |
| QUICK WIN | 3 | 8 | 5 | 3 | 0 |
| BERIMPAK TINGGI | 1 | 6 | 16 | 3 | 1 |




**Rajah 2.1**
**Projek Impak Tinggi dan Projek 'Quick Win'**

## 2.4 PROJEK DAN PROGRAM YANG MELIBATKAN MAJLIS DAERAH PEKAN SEBAGAI AGENSI PEMULA

45 buah cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) melibatkan MDP sebagai pemula projek. Tindakan usaha sama MDP selaku PBT yang menjadi pemula projek, serta agensi awam dan swasta dalam pelaksanaan dan pengurusan projek pembangunan ditunjukkan dalam **Jadual 2.7** berikut :

**Jadual 2.7 : Majlis Daerah Pekan Selaku Pemula Projek, serta Agensi Awam dan Swasta dalam Pelaksanaan dan Pengurusan Projek**

| Bil | Kod | Cadangan | Agensi Pelaksana | Agensi Pengurusan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | PB 1 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Utama Bandar Pekan sebagai Pusat Daerah | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 2. | PB 2 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Tempatan Gugusan Chini | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 3. | PB 3 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Tempatan Nenasi | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 4. | PB 4 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Sungai Miang | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 5. | PB 5 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Batu 8 Lepar - Paloh Hinai | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 6. | PB 6 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Simpang Tiga Chini - Bandar 2 Paloh Hinai | Semua Jabatan Teknikal | Semua Jabatan Teknikal |
| 7. | PD 8 | Cadangan pengekalan Kampung Tradisi terpilih sebagai Kampung Warisan | MDP, JWN | MDP, JKKK |
| 8. | PD 9 | Cadangan projek dan program pengukuhan sosio-ekonomi penduduk desa | DP, JKK, MOA, IADA, LKIM | MDP, PDT |
| 9. | RB 1 | Cadangan menaiktaraf imej pintu masuk ke Daerah Pekan, pusat-pusat bandar dan kawasan pelancongan | MDP | MDP |
| 10. | RB 2 | Cadangan pengukuhan imej laluan protokol dan persimpangan utama bandar (Jalan Sultan Abu Bakar dan Jalan Sri Terentang) | MDP | MDP |
| 11. | RB 3 | Cadangan pembaharuan semula bandar di Pusat Bandar Pekan | MDP, Swasta | MDP |
| 12. | RB 4 | Cadangan pengindahan Bandar Pekan | MDP | MDP |
| 13. | RB 6 | Cadangan pemuliharaan bangunan dan tapak warisan terutama istana-istana lama di Bandar Diraja Pekan | MDP, PMNP, Individu, Swasta | MDP, PMNP |
| 14. | RB 7 | Cadangan pengarusperdanaan pemeliharaan warisan dan budaya dalam pembangunan spatial dan insaniah | JWN, MOTAC, MDP | JWNP, MDP |
| 15. | TL 1 | Cadangan pembangunan Taman Bandar di Bandar Pekan | MDP | MDP |
| 16 | TL 2 | Cadangan pembangunan Taman Tempatan di Bandar Tempatan Gugusan Chini dan Bandar Tempatan Nenasi | MDP | MDP |
| 17. | JL 6 | Cadangan membina jalan penghubung dari Laluan Persekutuan 3 (FR3) melalui kawasan Perindustrian HICOM Peramu ke Jalan Tanah Putih (C101) | MDP | MDP |
| 18. | JL 12 | Cadangan jambatan dan jalan penghubung Jalan Sultan Ahmad - Pulau Bugis – Pulau Enjin | MDP dan Swasta | MDP |
| 19. | JL 13 | Cadangan penggunaan teknologi *'Artificial Intelligence'* seperti *'Green Wave Synchronisation'* di persimpangan-persimpangan jarak dekat | MDP | MDP |

| Bil | Kod | Cadangan | Agensi Pelaksana | Agensi Pengurusan |
|---|---|---|---|---|
| 20. | JL 14 | Cadangan perluasan konsep aliran trafik sehala di kawasan bandar bagi meningkatkan tahap perkhidmatan di persimpangan kawasan bandar | MDP | MDP |
| 21. | JL 15 | Cadangan pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki di Bandar Pekan | MDP | MDP |
| 22. | JL 16 | Cadangan penambahan papan-papan tanda, pembaikpulihan penanda jalan dan lampu-lampu jalan | MDP, JKR | MDP, JKR |
| 23. | JL 17 | Cadangan menambahbaik kemudahan tempat letak kenderaan dan pelaksanaan caj tempat parkir kenderaan di kawasan Bandar Pekan | MDP | MDP |
| 24. | JL 19 | Cadangan perluasan jaringan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan tumpuan perbandaran dan menaiktaraf hentian bas sedia ada | MDP, Swasta | MDP, JPJ |
| 25. | JL 20 | Cadangan pembangunan Pekan Sentral yang merangkumi terminal bas dan teksi serta lot-lot perkedaian dan kemudahan perjalanan | MDP | MDP |
| 26. | JL 21 | Cadangan menaiktaraf tapak Agro Bazar Jalan Pekan-Rompin kepada kawasan persinggahan pengguna jalanraya | MDP | MDP |
| 27. | JL 22 | Cadangan membina *'Truckers Centre'* dan tempat parkir kenderaan berat | MDP | MDP |
| 28. | IN 3 | Cadangan pembangunan Kawasan Industri Perkhidmatan Sungai Miang | MDP, Swasta | MDP |
| 29. | IN 4 | Cadangan peningkatan taraf Kawasan IKS Pulau Serai | MDP, Swasta | MDP |
| 30. | PN 1 | Cadangan penaiktarafan kawasan komersial di petempatan sedia ada (Bandar Utama dan Bandar Tempatan) | MDP, Swasta | MDP |
| 31. | PN 3 | Cadangan pembangunan komersial moden di Pulau Bugis dan Pulau Enjin | Swasta | Swasta |
| 32. | PN 4 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar PPK Baru Paloh Hinai | Swasta | MDP, Swasta |
| 33. | PN 5 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar Simpang Tiga Chini | Swasta | Swasta |
| 34. | PN 6 | Cadangan pembangunan tapak-tapak penjaja di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) | MDP, KPLB, Swasta | MDP |
| 35. | PN 7 | Cadangan penaiktarafan Medan-medan Selera Majlis Daerah Pekan | MDP | MDP |
| 36. | PN 8 | Cadangan pembangunan usahawan e-Dagang | KN/MDP/PDT | Kolaborasi KN/MDEC/UMP/ GIATMARA/ SWASTA |
| 37. | PN 9 | Cadangan pembangunan komersial bercampur terkawal (SOHO) | MDP/ Swasta | MDP/ Swasta |
| 38. | PP 10 | Cadangan penggalakan Program Bumi Hijau | Swasta (Persatuan Penduduk, Penduduk Setempat) | MDP, DOA, Swasta |
| 39. | PL 9 | Cadangan pembangunan pusat rekreasi air di Sungai Miang | JPS dan MDP | JPS dan MDP |
| 40. | PL 10 | Cadangan pengukuhan pelancongan pesisiran Pantai Air Leleh | MDP dan MOTAC | MDP |
| 41. | PL 11 | Cadangan pembangunan pusat aktiviti rekreasi dan pelancongan Pekan Nenasi | MDP, LKIM, PNK Nenasi | MDP, LKIM, PNK Nenasi |
| 42. | PL 13 | Cadangan Pembangunan Pusat dan Kiosk Informasi Pelancongan Pekan | Tourism Pahang/ MDP | MDP |
| 43. | TU 1 | Cadangan pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pekan yang baharu | PDT Pekan dan Swasta (Penswastaan) | MDP, Semua Jabatan Peringkat Daerah, Negeri dan Persekutuan |

| Bil | Kod | Cadangan | Agensi Pelaksana | Agensi Pengurusan |
|---|---|---|---|---|
| 44. | TU 2 | Cadangan Pejabat Cawangan MDP di PPK Simpang Tiga Chini | MDP | MDP |
| 45. | TU 3 | Cadangan pengukuhan organisasi Majlis Perbandaran Pekan | MDP | MDP |

Nota :

| | |
|---|---|
| (biru gelap) | Projek Kerajaan |
| (jingga) | Projek Swasta |

## 2.5 PROJEK KEUTAMAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Projek keutamaan dari jenis projek berimpak tinggi adalah seperti di **Jadual 2.8** berikut. Sejumlah **RM 2,356.26 juta** diperlukan sebagai kos projek berimpak tinggi bagi jangkaan masa 15 tahun dan melangkaui sehingga 30 tahun pelaksanaannya. Ini melibatkan **RM 1,019.40 juta** dari pembiayaan kerajaan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan (43.26% dari keseluruhan projek) dan selebihnya oleh swasta. Pelaburan ke atas projek berimpak tinggi perlu diberikan keutamaan kerana ia mampu memberi impak besar dan kesan pengganda (*multiplier effect*) kepada pembangunan Daerah Pekan.

**Jadual 2.8 : Projek Berimpak Tinggi**

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang** | | | |
| RB 3 | Cadangan pembaharuan semula bandar di Pusat Bandar Pekan | 1-3 | 5.00 |
| **Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu** | | | |
| IU 1 | Cadangan kawalan penerobosan air masin ke atas sumber air mentah melalui pembinaan struktur kejuruteraan sungai di Sungai Pahang | 1-2 | 648.00 |
| IU 4 | Cadangan meningkatkan kecekapan pembekalan air melalui penggantian paip usang | 1-2 | 105.00 |
| IU 9 | Cadangan meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dengan pembinaan *transfer station* dan lain-lain langkah pengurusan sisa pepejal bersepadu | 1-3 | 28.00 |
| JL 4 | Cadangan menaiktaraf Jalan Batu Balik (82) dari persimpangan Lebuhraya Tun Razak ke Persimpangan Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik | 1-2 | 60.00 |
| JL 7 | Cadangan jalan pintasan Jambatan Sultan Abu Bakar - Peramu-Tanah Putih (C101) melalui kawasan perindustrian Peramu (PIP) | 2-3 | 17.50 |
| JL 10 | Cadangan laluan Pekan *Bypass* dan persimpangan-persimpangan masuk ke Bandar Pekan | 1-2 | 60.00 |
| **Teras 3: Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing** | | | |
| IN 1 | Cadangan perluasan Kawasan Industri Automotif Peramu | 1-3 | 800.00 |
| PN 2 | Cadangan pembangunan Pulau Beram sebagai kawasan rekreasi komersial | 1-2 | 130.00 |
| PN 3 | Cadangan pembangunan komersial moden di Pulau Bugis dan Pulau Enjin | 1-3 | 200.36 |
| PN 4 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar PPK Baru Paloh Hinai | 1-2 | 20.00 |

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **PN 5** | Cadangan pembangunan Pusat Bandar Simpang Tiga Chini | 1-3 | 20.00 |
| **PN 8** | Cadangan pembangunan usahawan e-Dagang | 1-3 | 0.50 |
| **PP 1** | Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Projek Jelapang Padi IADA Pekan | 1-3 | Kos pentadbiran |
| **PP 9** | Cadangan pembangunan *Agro Mix Farm* (AMF) Pekan | 1-3 | 33.40 |
| **PP 10** | Cadangan penggalakan Program Bumi Hijau | 1-3 | 0.50 |
| **PP 13** | Cadangan pembangunan aktiviti penternakan ruminan secara sistem fidlot dan intensif | 1-2 | 65.00 |
| **PL 1** | Cadangan pembangunan tarikan Jejak Warisan Bandar DiRaja Pekan | 1-2 | 3.00 |
| **PL 2** | Cadangan pembangunan Taman DiRaja dan Stesen Perahu Sungai Parit | 1-2 | 5.00 |
| **PL 3** | Cadangan pengukuhan aktiviti *heritage river tour* di Sungai Pahang | 1-2 | 20.00 |
| **PL 4** | Cadangan perluasan dan pengukuhan aktiviti pelancongan warisan budaya di Kompleks Budaya Pulau Keladi | 1-2 | 34.00 |
| **PL 6** | Cadangan pembangunan tarikan pelancongan acara, MICE, pendidikan dan penyelidikan | 1-3 | 1.00 |
| **PL 7** | Cadangan pengukuhan, pemeliharaan dan pemuliharaan Biosfera Tasik Chini sebagai ikon pelancongan Daerah Pekan | 1-2 | 5.00 |
| **Teras 4: Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan** | | | |
| **AS 1** | Cadangan langkah-langkah kawalan, mitigasi dan pengurusan kebakaran hutan paya gambut | 1-3 | 5.00 |
| **AS 2** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Utama PL5 (H.S. Ibam – H.S. Kedondong, H.S. Pekan dan H.S. Nenasi) | 1-3 | 20.00 |
| **AS 3** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Sekunder SL2 (H.S Chini – H.S. Lepar) | 1-3 | 20.00 |
| **Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien** | | | |
| **TU 1** | Cadangan pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pekan yang baharu | 2-3 | 50.00 |
| | **Jumlah Kos Projek** | | **2,356.26** |

Nota :

| | |
|---|---|
| (biru gelap) | Projek Kerajaan |
| (jingga) | Projek Swasta |

Projek *Quick Win* adalah projek yang mampu membawa kejayaan segera antara lain kerana ia telahpun dimulai lebih awal, ataupun mekanisma pelaksanaannya telah tersedia. Sejumlah **RM 738.00 juta** diperlukan sebagai kos projek *quick win* yang sebahagiannya merupakan projek naik taraf yang lebih mudah dilaksanakan misalnya tambahan bangunan hospital, dan penyambungan projek paip air ke Nenasi. Projek CFS dan projek pengindahan bandar boleh juga bersifat *quick win* kerana merupakan projek-projek sambungan insiatif semasa. Ini melibatkan **RM 661.80 juta** dari pembiayaan kerajaan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan (89.67% dari keseluruhan projek) dan selebihnya oleh swasta. Rujuk **Jadual 2.9** untuk senarai projek *quick win*.

**Jadual 2.9 : Projek *Quick Win***

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang** | | | |
| **RB 1** | Cadangan menaiktaraf imej pintu masuk ke Daerah Pekan, pusat-pusat bandar dan kawasan pelancongan | 1-2 | 2.00 |
| **KM 1** | Cadangan pengukuhan kemudahan pendidikan dengan penaiktarafan kemudahan latihan lepasan sekolah dan pembinaan sekolah menengah baharu | 1-3 | 101.00 |
| **KM 2** | Cadangan pengukuhan kemudahan kesihatan daerah dengan penambahbaikan perkhidmatan di Hospital Daerah Pekan, pembangunan klinik kesihatan baru dan naik taraf klinik-klinik desa | 1-3 | 430.00 |
| **Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu** | | | |
| **IU 3** | Cadangan menyiapkan projek pembekalan air bersih dari Tanjung Agas ke Nenasi | 1-2 | 10.00 |
| **IU 12** | Cadangan meningkatkan keberkesanan sistem telekomunikasi seluruh daerah dan sistem jalur lebar yang berkelajuan tinggi di kawasan awam utama di sekitar Bandar Pekan-Peramu | 1-3 | 30.00 |
| **JL 4** | Cadangan menaiktaraf Jalan Batu Balik (82) dari persimpangan Lebuhraya Tun Razak ke Persimpangan Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik | 1-2 | 60.00 |
| **JL 14** | Cadangan perluasan konsep aliran trafik sehala di kawasan bandar bagi meningkatkan tahap perkhidmatan di persimpangan kawasan bandar | 1 | 1.00 |
| **JL 15** | Cadangan pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki di Bandar Pekan | 1 | 1.00 |
| **JL 16** | Cadangan penambahan papan-papan tanda, pembaikpulihan penanda jalan dan lampu-lampu jalan | 1 | 0.50 |
| **JL 17** | Cadangan menambahbaik kemudahan tempat letak kenderaan dan pelaksanaan caj tempat parkir kenderaan di kawasan Bandar Pekan | 1 | 0.30 |
| **JL 20** | Cadangan pembangunan Pekan Sentral yang merangkumi terminal bas dan teksi serta lot-lot perkedaian dan kemudahan perjalanan | 1-2 | 16.00 |
| **Teras 3 : Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing** | | | |
| **PN 1** | Cadangan penaiktarafan kawasan komersial di petempatan sedia ada (Bandar Utama dan Bandar Tempatan) | 1-3 | Tertakluk kepada pemaju |
| **PN 6** | Cadangan pembangunan tapak-tapak penjaja di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) | 1-2 | 3.00 |
| **PN 7** | Cadangan penaiktarafan Medan-medan Selera Majlis Daerah Pekan | 1-2 | 8.00 |
| **PN 8** | Cadangan pembangunan usahawan e-Dagang | 1-3 | 0.50 |
| **PL 10** | Cadangan pengukuhan pelancongan pesisiran Pantai Air Leleh | 1-2 | 30.00 |
| **Teras 4 : Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan** | | | |
| **AS 1** | Cadangan langkah-langkah kawalan, mitigasi dan pengurusan kebakaran hutan paya gambut | 1-3 | 5.00 |
| **AS 2** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Utama PL5 (H.S. Ibam – H.S. Kedondong, H.S. Pekan dan H.S. Nenasi) | 1-3 | 20.00 |
| **AS 3** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Sekunder SL2 (H.S Chini – H.S. Lepar) | 1-3 | 20.00 |

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| | **Jumlah Kos Projek** | | **738.00** |

Nota :

| | |
|---|---|
| (biru gelap) | Projek Kerajaan |
| (jingga) | Projek Swasta |

Projek *enabler* adalah projek penggerak yang menjadi sumber daya projek lain. Keadaannya adalah hanya setelah ia berjaya maka cadangan/projek-projek lain akan boleh/ lebih mudah dilaksanakan. Sejumlah **RM 418.00 juta** diperlukan sebagai kos pembangunan projek *enabler*, dan ini melibatkan **RM 401.50 juta** dari pembiayaan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan (96% dari keseluruhan projek). Projek-projek *enabler* penting adalah seperti infrastruktur jalan yang sangat diperlukan untuk meningkatkan perhubungan ke kawasan pedalaman, projek pengukuhan sosio-ekonomi desa yang boleh membuka peluang penduduk meningkatkan daya usaha, projek pendidikan yang memperkasakan daya insan, pembaikan dan pemuliharaan bangunan warisan yang membolehkan ia digunakan semula secara efektif. Projek-projek kajian dan pengurusan risiko juga merupakan enabler penting kerana ia membolehkan keputusan dibuat secara berinformasi dan mengurangkan kerugian dari tindakan yang tidak berdaya maju. Rujuk **Jadual 2.10** untuk senarai projek *enabler*.

**Jadual 2.10 : Projek *Enabler***

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang** | | | |
| **PD 9** | Cadangan projek dan program pengukuhan sosio-ekonomi penduduk desa | 1-3 | 20.00 |
| **OA 1** | Cadangan penentuan sempadan rizab perkampungan Orang Asli | 1-2 | 4.00 |
| **OA 2** | Cadangan pembangunan kemudahan masyarakat, infrastruktur, sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli | 1-3 | 10.00 |
| **RB 6** | Cadangan pemuliharaan bangunan dan tapak warisan terutama istana-istana lama di Bandar Diraja Pekan | 1-3 | 3.50 |
| **RB 7** | Cadangan pengarusperdanaan pemeliharaan warisan dan budaya dalam pembangunan spatial dan insaniah | 1-3 | 0.50 |
| **KM 1** | Cadangan pengukuhan kemudahan pendidikan dengan penaiktarafan kemudahan latihan lepasan sekolah dan pembinaan sekolah menengah baharu | 1-3 | 101.00 |
| **Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu** | | | |
| **IU 5** | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pahang melibatkan kawasan berisiko melalui mitigasi struktur kejuruteraan sungai | 1-2 | 100.00 |
| **IU 6** | Cadangan kerja-kerja pendalaman dan penyelenggaraan berterusan muara Sungai Pahang | 1-3 | 8.00 |
| **JL 2** | Cadangan jambatan menyeberangi Sungai Pahang menghubungkan Kg. Salong – Kg. Wah | 1-2 | 96.00 |
| **JL 6** | Cadangan membina jalan penghubung dari Laluan Persekutuan 3 (FR3) melalui kawasan Perindustrian HICOM Peramu ke Jalan Tanah Putih (C101) | 1 | 25.00 |
| **JL 9** | Cadangan menaiktaraf jalan dari Lebuhraya Tun Razak (C106) ke RPS Runchang dan jalan laterit dari Runchang ke Jeti Black Water Jewel | 1-2 | 18.00 |

| Teras Pembangunan | | Fasa Pelaksanaan | Kos Projek (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| **JL 19** | Cadangan perluasan jaringan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan tumpuan perbandaran dan menaiktaraf hentian bas sedia ada | 1 | 0.50 |
| **JL 20** | Cadangan pembangunan Pekan Sentral yang merangkumi terminal bas dan teksi serta lot-lot perkedaian dan kemudahan perjalanan | 1-2 | 16.00 |
| **Teras 4: Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan** | | | |
| **AS 7** | Cadangan Pengurusan Risiko Bencana Persisiran Pantai | 1-3 | 10.00 |
| **AS 8** | Cadangan pengurusan risiko bencana wabak penyakit dan kemarau panjang di Daerah Pekan | 1-3 | Kos pentadbiran |
| **Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien** | | | |
| **TU 10** | Cadangan kajian kesan kenaikan paras laut kepada kawasan persisiran pantai Daerah Pekan | 1 | 2.00 |
| **TU 11** | Cadangan kajian tahap penerobosan air masin di sungai-sungai utama Daerah Pekan | 1 | 2.00 |
| **TU 12** | Cadangan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi Bandar Pekan – Peramu | 1 | 1.50 |
| | **Jumlah Kos Projek** | | **418.00** |

Nota :

| | |
|---|---|
| (biru gelap) | Projek Kerajaan |
| (jingga) | Projek Swasta |

## 2.6 CADANGAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN) MENGIKUT TERAS, FASA PELAKSANAAN, AGENSI PEMULA DAN KOS PEMBANGUNAN

Perincian cadangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) mengikut teras perancangan ditunjukkan di **Jadual 2.11** hingga **Jadual 2.15**. Perincian termasuklah sama ada cadangan tersebut merupakan sebuah projek, program atau kawalan, fasa pelaksanaannya, agensi pemulanya dan kos pembangunannya.

**Jadual 2.11 : Cadangan Projek/Program Teras 1 : Pembangunan Spatial yang Seimbang**

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 1. | PB 1 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Utama Bandar Pekan sebagai Pusat Daerah | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 2. | PB 2 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Tempatan Gugusan Chini | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 3. | PB 3 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Bandar Tempatan Nenasi | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 4. | PB 4 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Sungai Miang | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 5. | PB 5 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Batu 8 Lepar - Paloh Hinai | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 6. | PB 6 | Cadangan pengukuhan fungsi dan peranan Pusat Petempatan Kecil Simpang Tiga Chini - Bandar 2 Paloh Hinai | | | | | | | MDP | Kos pentadbiran |
| 7. | PR 1 | Cadangan pembangunan perumahan mampu milik | | | | | | | PBN | 512.00 |
| 8. | PD 1 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Padang Rumbia | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 9. | PD 2 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa FELCRA Sri Makmur | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 10. | PD 3 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Salong | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 11. | PD 4 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Tanjung Batu | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 12. | PD 5 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Merchong | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 13. | PD 6 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa RPS Runchang | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 14. | PD 7 | Cadangan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa Kota Perdana | | | | | | | PDT Pekan/ PM@PHG | Kos pentadbiran |
| 15. | PD 8 | Cadangan pengekalan Kampung Tradisi terpilih sebagai Kampung Warisan | | | | | | | JWN, MDP | 0.50 |
| 16. | PD 9 | Cadangan projek dan program pengukuhan sosio-ekonomi penduduk desa | | | | | | | MDP, PDT PEKAN (JKKK) | 20.00 |
| 17. | OA 1 | Cadangan penentuan sempadan rizab perkampungan Orang Asli | | | | | | | JAKOA | 4.00 |
| 18. | OA 2 | Cadangan pembangunan kemudahan masyarakat, infrastruktur, sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli | | | | | | | PBN, PDT Pekan, JAKOA | 10.00 |
| 19. | RB 1 | Cadangan menaiktaraf imej pintu masuk ke Daerah Pekan, pusat-pusat bandar dan kawasan pelancongan | | | | | | | MDP | 2.00 |
| 20. | RB 2 | Cadangan pengukuhan imej laluan protokol dan persimpangan utama bandar (Jalan Sultan Abu Bakar dan Jalan Sri Terentang) | | | | | | | MDP dan JLN | 2.50 |
| 21. | RB 3 | Cadangan pembaharuan semula bandar di Pusat Bandar Pekan | | | | | | S | MDP | 5.00 |
| 22. | RB 4 | Cadangan pengindahan Bandar Pekan | | | | | | | MDP | 3.00 |
| 23. | RB 5 | Cadangan pengindahan Peramu – Taman Tasik Sultan Abu Bakar Fasa II | | | | | | | JLN | 1.50 |
| 24. | RB 6 | Cadangan pemuliharaan bangunan dan tapak warisan terutama istana-istana lama di Bandar Diraja Pekan | | | | | | | MDP, PMNP | 3.50 |
| 25. | RB 7 | Cadangan pengarusperdanaan pemeliharaan warisan dan budaya dalam pembangunan spatial dan insaniah | | | | | | | JWNP, MDP | 0.50 |
| 26. | KM 1 | Cadangan pengukuhan kemudahan pendidikan dengan penaiktarafan kemudahan latihan lepasan sekolah dan pembinaan sekolah menengah baharu | | | | | | | MARA, JPkNP | 101.00 |
| 27. | KM 2 | Cadangan pengukuhan kemudahan kesihatan daerah dengan penambahbaikan perkhidmatan di Hospital Daerah Pekan, pembangunan klinik kesihatan baru dan naik taraf klinik-klinik desa | | | | | | | PKN | 430.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 28. | **KM 3** | Cadangan pengukuhan kemudahan keselamatan dengan pembangunan balai-balai polis baharu dan naiktaraf pondok polis sedia ada | | | | | | | IPK Pahang | 58.00 |
| 29. | **KM 4** | Cadangan pengukuhan kemudahan keagamaan Islam dengan pembangunan masjid baharu, pembangunan semula masjid sedia ada dan pembinaan surau baharu | | | | | | | JAIP & MUIP | 46.90 |
| 30. | **KM 5** | Cadangan pengukuhan kemudahan keagamaan bukan Islam | | | | | | | PBT, Swasta | Tertakluk kepada keperluan keagamaan |
| 31. | **KM 6** | Cadangan pembesaran tanah perkuburan Islam dan penyediaan tanah perkuburan Islam baharu | | | | | | | JAIP & MUIP | 0.13 |
| 32. | **KM 7** | Cadangan pembangunan kemudahan berpusat untuk masyarakat desa | | | | | | | PDT Pekan, KPLB | 10.00 |
| 33. | **TL 1** | Cadangan pembangunan Taman Bandar di Bandar Pekan | | | | | | **S** | MDP/JPSPN | 3.50 |
| 34. | **TL 2** | Cadangan pembangunan Taman Tempatan di Bandar Tempatan Gugusan Chini dan Bandar Tempatan Nenasi | | | | | | **S** | MDP/ JPSPN | 1.50 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **18** | **7** | **15** | | | | | |

K-32 S-2Nota : MDP - Majlis Daerah Pekan; PTD Pekan – Pejabat Tanah dan Daerah Pekan; PM@PHG - PLANMalaysia@Pahang; JWN - Jabatan Warisan Negara; PDT - Pejabat Daerah dan Tanah; JKKK - Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung; JAKOA - Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia; JLN - Jabatan Landskap Negara; PMNP - ; KPLB - Kementerian Pembangunan Luar Bandar; JPkNP - Jabatan Pendidikan Negeri Pahang; JKN - Jabatan Kesihatan Negeri; IPK Pahang - Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang; JAIP - Jabatan Agama Islam Pahang; MUIP - Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang; PBT - Pihak Berkuasa Tempatan; SW Corp - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Nota : **S** – Projek bersambungan selepas tahun perancangan 5 ke 15 tahun sebelum siap sepenuhnya.

| | |
|---|---|
| | Projek Kerajaan |
| | Projek Swasta |

**Jadual 2.12 : Cadangan Projek/Program Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu**

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 1. | IU 1 | Cadangan kawalan penerobosan air masin ke atas sumber air mentah melalui pembinaan struktur kejuruteraan sungai di Sungai Pahang | | | | | | | JPS Malaysia | 648.00 |
| 2. | IU 2 | Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Air Chini dengan membina kolam takungan tambahan | | | | | | | SPAN | 37.50 |
| 3. | IU 3 | Cadangan menyiapkan projek pembekalan air bersih dari Tanjung Agas ke Nenasi | | | | | | | SPAN, PAIP | 10.00 |
| 4. | IU 4 | Cadangan meningkatkan kecekapan pembekalan air melalui penggantian paip usang | | | | | | | PAIP | 105.00 |
| 5. | IU 5 | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pahang melibatkan kawasan berisiko melalui mitigasi struktur kejuruteraan sungai | | | | | | | JPS Malaysia | 100.00 |
| 6. | IU 6 | Cadangan kerja-kerja pendalaman dan penyelenggaraan berterusan muara Sungai Pahang | | | | | | | PPPB, PBN | 8.00 |
| 7. | IU 7 | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pahang Tua dan di kawasan pembangunan utama Peramu | | | | | | **S** | JPS Malaysia | 100.00 |
| 8. | IU 8 | Cadangan memperbaiki sistem saliran sedia ada di Bandar Pekan | | | | | | | JPS, MDP | 25.00 |
| 9. | IU 9 | Cadangan meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dengan pembinaan *transfer station* dan lain-lain langkah pengurusan sisa pepejal bersepadu | | | | | | | JPSPN | 28.00 |
| 10. | IU 10 | Cadangan membina loji-loji rawatan kumbahan baharu dan lain-lain langkah pengurusan sisa kumbahan yang berkesan | | | | | | | SPAN, JPP | 250.00 |
| 11. | IU 11 | Cadangan menaik taraf sistem permintaan pengagihan bekalan dan meningkatkan kecekapan perbekalan tenaga | | | | | | | ST, TNB, SEDA | 15.00 |
| 12. | IU 12 | Cadangan meningkatkan keberkesanan sistem telekomunikasi seluruh daerah dan sistem jalur lebar yang berkelajuan tinggi di kawasan awam utama di sekitar Bandar Pekan-Peramu | | | | | | **S** | SKMM | 30.00 |
| 13. | JL 1 | Cadangan menaiktaraf jalan menghubungkan FELCRA Seri Makmur ke Maran dan ke Lebuhraya Tun Razak (C106) | | | | | | **S** | JKR | 60.00 |
| 14. | JL 2 | Cadangan jambatan menyeberangi Sungai Pahang menghubungkan Kg. Salong – Kg. Wah | | | | | | | JKR | 96.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 15. | **JL 3** | Cadangan menaiktaraf persimpangan Lebuhraya Tun Razak (Laluan 12) / Jalan Batu Balik (82) kepada persimpangan bertingkat | | | | | | | JKR | 45.00 |
| 16. | **JL 4** | Cadangan menaiktaraf Jalan Batu Balik (82) dari persimpangan Lebuhraya Tun Razak ke Persimpangan Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik | | | | | | | JKR | 60.00 |
| 17. | **JL 5** | Cadangan menaiktaraf persimpangan di Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik kepada persimpangan bertingkat | | | | | | | JKR | 45.00 |
| 18. | **JL 6** | Cadangan membina jalan penghubung dari Laluan Persekutuan 3 (FR3) melalui kawasan Perindustrian HICOM Peramu ke Jalan Tanah Putih (C101) | | | | | | | MDP | 25.00 |
| 19. | **JL 7** | Cadangan jalan pintasan Jambatan Sultan Abu Bakar - Peramu-Tanah Putih (C101) melalui kawasan perindustrian Peramu (PIP) | | | | | | **S** | JKR | 17.50 |
| 20. | **JL 8** | Cadangan membina dan menaiktaraf jalan pesisir pantai Pekan-Kuantan bagi tujuan pelancongan (C101) | | | | | | **S** | JKR | 30.00 |
| 21. | **JL 9** | Cadangan menaiktaraf jalan dari Lebuhraya Tun Razak (C106) ke RPS Runchang dan jalan laterit dari Runchang ke Jeti Black Water Jewel | | | | | | | KPLB, JKR | 18.00 |
| 22. | **JL 10** | Cadangan laluan 'Pekan Bypass' dan persimpangan-persimpangan masuk ke Bandar Pekan | | | | | | | JKR | 60.00 |
| 23. | **JL 11** | Cadangan menaiktaraf persimpangan Laluan Persekutuan 3 di kawasan perindustrian Tanjung Agas kepada persimpangan bertingkat | | | | | | | JKR | 40.00 |
| 24. | **JL 12** | Cadangan jambatan dan jalan penghubung Jalan Sultan Ahmad - Pulau Bugis – Pulau Enjin | | | | | | **S** | MDP dan swasta | 100.00 |
| 25. | **JL 13** | Cadangan penggunaan teknologi *'Artificial Intelligence'* seperti *'Green Wave Synchronisation'* di persimpangan-persimpangan jarak dekat | | | | | | | MDP dan JKR | 10.00 |
| 26. | **JL 14** | Cadangan perluasan konsep aliran trafik sehala di kawasan bandar bagi meningkatkan tahap perkhidmatan di persimpangan kawasan bandar | | | | | | | MDP | 1.00 |
| 27. | **JL 15** | Cadangan pembinaan laluan basikal dan pejalankaki di Bandar Pekan | | | | | | | MDP | 1.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 28. | JL 16 | Cadangan penambahan papan-papan tanda, pembaikpulihan penanda jalan dan lampu-lampu jalan | | | | | | | MDP, JKR | 0.50 |
| 29. | JL 17 | Cadangan menambahbaik kemudahan tempat letak kenderaan dan pelaksanaan caj tempat parkir kenderaan di kawasan Bandar Pekan | | | | | | | MDP | 0.30 |
| 30. | JL 18 | Cadangan mewujudkan rizab utiliti dalam rizab jalan | | | | | | S | KUP | Kos Pentadbiran |
| 31. | JL 19 | Cadangan perluasan jaringan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan tumpuan perbandaran dan menaiktaraf hentian bas sedia ada | | | | | | | MDP | 0.50 |
| 32. | JL 20 | Cadangan pembangunan Pekan Sentral yang merangkumi terminal bas dan teksi serta lot-lot perkedaian dan kemudahan perjalanan | | | | | | | MDP | 16.00 |
| 33. | JL 21 | Cadangan menaiktaraf tapak Agro Bazar Jalan Pekan-Rompin kepada kawasan persinggahan pengguna jalanraya | | | | | | | MDP | 2.00 |
| 34. | JL 22 | Cadangan membina *'Truckers Centre'* dan tempat parkir kenderaan berat | | | | | | | MDP/KKR | 4.80 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **31** | **6** | **5** | | | | | |

Nota : JPS - Jabatan Pengairan dan Saliran; SPAN - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; PAIP - Pengurusan Air Pahang Berhad; PBN- Pihak Berkuasa Negeri; PPPB - Perbadanan Pasir Pahang; PPSPPA - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; PPSPPA - ; SW Corp - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam; JPP - Jabatan Perkhidmatan Pembetungan; ST - Suruhanjaya Tenaga; TNB - Tenaga Nasional Berhad; SKMM - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; JKR - Jabatan Kerja Raya; KPLB - Kementerian Pembangunan Luar Bandar; MDP - Majlis Daerah Pekan; KKR - Kementerian Kerja Raya; KUP - Koridor Utiliti Pahang

Nota : **S** – Projek bersambungan selepas tahun perancangan 5 ke 15 tahun sebelum siap sepenuhnya.

Projek Kerajaan

Projek Swasta

**Jadual 2.13 : Cadangan Projek/Program Teras 3 : Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing**

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 1. | IN 1 | Cadangan perluasan Kawasan Industri Automotif Peramu | | | | | | S | ECERDC | 800.00 |
| 2. | IN 2 | Cadangan pembangunan Kawasan Industri IKS Peramu Jaya | | | | | | | PKNP | 107.00 |
| 3. | IN 3 | Cadangan pembangunan Kawasan Industri Perkhidmatan Sungai Miang | | | | | | | MDP dan Swasta | 54.00 |
| 4. | IN 4 | Cadangan peningkatan taraf Kawasan IKS Pulau Serai | | | | | | | MDP dan Swasta | 2.50 |
| 5. | IN 5 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Padang Rumbia | | | | | | | KPLB/ PDT Pekan | 10.14 |
| 6. | IN 6 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Kuala Pahang | | | | | | | KPLB/MARA | 15.00 |
| 7. | IN 7 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Chini | | | | | | | KPLB/FELDA | 10.00 |
| 8. | PN 1 | Cadangan penaiktarafan kawasan komersial di petempatan sedia ada (Bandar Utama dan Bandar Tempatan) | | | | | | S | MDP dan Swasta | Tertakluk kepada pemaju |
| 9. | PN 2 | Cadangan pembangunan Pulau Beram sebagai kawasan rekreasi komersial | | | | | | | PMNP | 130.00 |
| 10. | PN 3 | Cadangan pembangunan komersial moden di Pulau Bugis dan Pulau Enjin | | | | | | S | MDP | 200.36 |
| 11. | PN 4 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar PPK Baru Paloh Hinai | | | | | | | MDP dan Swasta | 20.00 |
| 12. | PN 5 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar Simpang Tiga Chini | | | | | | S | MDP dan Swasta | 20.00 |
| 13. | PN 6 | Cadangan pembangunan tapak-tapak penjaja di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) | | | | | | | MDP, KPLB | 3.00 |
| 14. | PN 7 | Cadangan penaiktarafan Medan-medan Selera Majlis Daerah Pekan | | | | | | | MDP | 8.00 |
| 15. | PN 8 | Cadangan pembangunan usahawan e-Dagang | | | | | | | Kerajaan Negeri / MDEC / MDP / PDT | 0.50 |
| 16. | PN 9 | Cadangan pembangunan komersial bercampur terkawal (SOHO) | | | | | | | MDP dan Swasta | 15.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 17. | PP 1 | Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Projek Jelapang Padi IADA Pekan | | | | | | | MOA, IADA Pekan, JPS | Kos pentadbiran |
| 18. | PP 2 | Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanaman dan TKPM Ternakan | | | | | | | MOA, DOA, DVS | Kos pentadbiran |
| 19. | PP 3 | Cadangan pengekalan dan pewartaan Rezab Padang Ragut | | | | | | | MOA, DVS | Kos pentadbiran |
| 20. | PP 4 | Cadangan pengekalan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) | | | | | | | MOA, DOF, LKIM | Kos pentadbiran |
| 21. | PP 5 | Cadangan pengekalan kawasan tanah pertanian Kelas 2 di luar Koridor Pembangunan Daerah | | | | | | | PBN, PBT, DOA | Kos pentadbiran |
| 22. | PP 6 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman padi | | | | | | | MOA, MARDI, IADA Pekan, DOA, LPP | 325.00 |
| 23. | PP 7 | Cadangan peningkatan produktiviti lain-lain tanaman (Agro Makanan) | | | | | | | DOA, LPP, Swasta | 307.00 |
| 24. | PP 8 | Cadangan peningkatan produktiviti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanaman | | | | | | | DOA, Swasta | 3.50 |
| 25. | PP 9 | Cadangan pembangunan Agro Mix Farm (AMF) Pekan | | | | | | | DVS, DOA, DOF, LPP, MARDI | 33.40 |
| 26. | PP 10 | Cadangan penggalakan Program Bumi Hijau | | | | | | | MDP, DOA | 0.50 |
| 27. | PP 11 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman kelapa sawit | | | | | | S | MPOB, FELDA, FELCRA, RISDA, Swasta | 500.00 |
| 28. | PP 12 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman getah | | | | | | S | LGM, FELDA, FELCRA, RISDA, Swasta | 214.00 |
| 29. | PP 13 | Cadangan pembangunan aktiviti penternakan ruminan secara sistem fidlot dan intensif | | | | | | | MOA, DVS, Swasta | 65.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 30. | **PP 14** | Cadangan peningkatan produktiviti ternakan ayam secara mesra alam | | | | | | | MOA, DVS, PBT, Swasta | 4.00 |
| 31. | **PP 15** | Cadangan peningkatan bilangan premis dan produktiviti sarang burung walit secara mesra alam | | | | | | | DVS, PBT | 6.00 |
| 32. | **PP 16** | Cadangan peningkatan produktiviti akuakultur dan pembangunan kluster ikan air tawar Sungai Pahang secara komersial | | | | | | | DOF | 3.00 |
| 33. | **PP 17** | Cadangan peningkatan sumber perikanan di kawasan perairan umum | | | | | | | DOF, NGO | 12.00 |
| 34. | **PP 18** | Cadangan penggalakan aktiviti perikanan laut dalam | | | | | | | LKIM, DOF | Kos Pentadbiran Dan Khidmat Nasihat Teknikal |
| 35. | **PP 19** | Cadangan pengurusan dan memperkayakan sumber perikanan marin | | | | | | | LKIM, DOF | 15.00 |
| 36. | **PP 20** | Cadangan pembangunan dan penaiktarafan sistem saliran dan pengairan di Kawasan Jelapang Padi IADA Pekan | | | | | | | MOA, JPS | 94.00 |
| 37. | **PP 21** | Cadangan pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur dan prasarana Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jeti Nelayan | | | | | | | MOA, DOF, LKIM, JPS | 51.00 |
| 38. | **PP 22** | Cadangan pembangunan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil tani Lepar | | | | | | | MOA, FAMA | 10.00 |
| 39. | **PP 23** | Cadangan pembangunan bengkel pemprosesan produk hiliran tani Tanah Putih | | | | | | | MOA, FAMA | 7.00 |
| 40. | **PP 24** | Cadangan pembangunan Pusat Latihan Akuakultur Pekan | | | | | | | MOA, LKIM | 10.00 |
| 41. | **PL 1** | Cadangan pembangunan tarikan Jejak Warisan Bandar DiRaja Pekan | | | | | | | MDP dan PNMP | 3.00 |
| 42. | **PL 2** | Cadangan pembangunan Taman DiRaja dan Stesen Perahu Sungai Parit | | | | | | | MOTAC, JLN dan Pejabat DYMM Sultan (Pemilik Tanah) | 5.00 |

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 43. | PL 3 | Cadangan pengukuhan aktiviti *heritage river tour* di Sungai Pahang | | | | | | | MOTAC dan MDP | 20.00 |
| 44. | PL 4 | Cadangan perluasan dan pengukuhan aktiviti pelancongan warisan budaya di Kompleks Budaya Pulau Keladi | | | | | | | PMNP, MOTAC | 34.00 |
| 45. | PL 5 | Cadangan pembangunan program *homestay* Pahang Tua dan *homestay* Mengkasar | | | | | | | Pahang Tourism, JKKK | 0.50 |
| 46. | PL 6 | Cadangan pembangunan tarikan pelancongan acara, MICE, pendidikan dan penyelidikan | | | | | | | MDP/ Tourism Pahang | 1.00 |
| 47. | PL 7 | Cadangan pengukuhan, pemeliharaan dan pemuliharaan Biosfera Tasik Chini sebagai ikon pelancongan Daerah Pekan | | | | | | | PBN, MOTAC | 5.00 |
| 48. | PL 8 | Cadangan pembangunan pusat Eko Pelancongan Black Water Jewel Runchang dan Agropelancongan Agropolitan Runchang | | | | | | | ECERDC dan JKOA | 43.00 |
| 49. | PL 9 | Cadangan pembangunan pusat rekreasi air di Sungai Miang | | | | | | | JPS dan MDP | 12.00 |
| 50. | PL 10 | Cadangan pengukuhan pelancongan pesisiran Pantai Air Leleh | | | | | | | MDP dan MOTAC | 30.00 |
| 51. | PL 11 | Cadangan pembangunan pusat aktiviti rekreasi dan pelancongan Pekan Nenasi | | | | | | | MDP dan MOTAC | 5.00 |
| 52. | PL 12 | Cadangan pengukuhan produk sumberjaya Air Terjun Lata Mentagan | | | | | | | JPN | 1.00 |
| 53. | PL 13 | Cadangan Pembangunan Pusat dan Kiosk Informasi Pelancongan Pekan | | | | | | | Tourism Pahang/MDP | 7.00 |
| 54. | PL 14 | Cadangan Pembangunan Pakej-pakej Pelancongan (*Tourism Trails*) Pekan | | | | | | | Tourism Pahang | 4.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **33** | **27** | **11** | | | | | |

K-29 S-25 Nota : ECERDC **-** Wilayah Ekonomi Pantai Timur**;** PKNP **-** Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang; MDP - Majlis Daerah Pekan; KPLB **-** Kementerian Pembangunan Luar Bandar; PTD Pekan - Pejabat Tanah dan Daerah Pekan; MARA **-** Majlis Amanah Rakyat; FELDA **-** Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; PMNP **-** Perbadanan Muzium Negeri Pahang; MDEC **-** Malaysia Digital Economy Corporation; MDP **-** Majlis Daerah Pekan; PDT **-** Pejabat Daerah dan Tanah; MOTAC **-** Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya; JLN **-** Jabatan Landskap Negara; MOA **-** Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan; DOF **-** Jabatan Perikanan Malaysia; LKIM **-** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; JPS **-** Jabatan Pengairan dan Saliran; FAMA **-** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Nota : **S** – Projek bersambungan selepas tahun perancangan 5 ke 15 tahun sebelum siap sepenuhnya.

Projek Kerajaan

Projek Swasta

**Jadual 2.14 : Cadangan Projek/Program Teras 4 : Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan**

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 1. | **AS 1** | Cadangan langkah-langkah kawalan, mitigasi dan pengurusan kebakaran hutan paya gambut | | | | | | | JAS, JPN, JMG | 5.00 |
| 2. | **AS 2** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Utama PL5 (H.S. Ibam – H.S. Kedondong, H.S. Pekan dan H.S. Nenasi) | | | | | | | PM@PHG | 20.00 |
| 3. | **AS 3** | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Sekunder SL2 (H.S Chini – H.S. Lepar) | | | | | | | PM@PHG | 20.00 |
| 4. | **AS 4** | Cadangan melindungi kawasan Tasik Chini daripada aktiviti pembangunan yang mengancam Tasik Chini serta menaiktaraf aktiviti pelancongan semasa | | | | | | | JAS, JPN, JMG, JPS, NAHRIM | 0.50 |
| 5. | **AS 5** | Cadangan program pencegahan pencemaran dan peningkatan (PPP) kualiti air di lembangan Sungai Pahang | | | | | | | JAS | 3.00 |
| 6. | **AS 6** | Cadangan projek dan program kawalan hakisan pantai dan kawasan risiko pantai | | | | | | | JPS Malaysia | 30.00 |
| 7. | **AS 7** | Cadangan Pengurusan Risiko Bencana Persisiran Pantai | | | | | | | PDT Pekan / NADMA | 10.00 |
| 8. | **AS 8** | Cadangan pengurusan risiko bencana wabak penyakit dan kemarau panjang di Daerah Pekan | | | | | | | PDT Pekan / NADMA | Kos pentadbiran |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **5** | **8** | **6** | | | | | |

Nota : JAS - Jabatan Alam Sekitar; JPN - Jabatan Perhutanan; PM - PLANMalaysia; JMG - Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; JPS - Jabatan Pengairan dan Saliran; NAHRIM - Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia; PDT Pekan - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan; NADMA - Agensi Pengurusan Bencana Negara

Nota : **S** – Projek bersambungan selepas tahun perancangan 5 ke 15 tahun sebelum siap sepenuhnya.

Projek Kerajaan

**Jadual 2.15 : Cadangan Projek/Program Teras 5 : Tadbir Urus Efektif dan Efisien**

| Bil | Kod | Cadangan | Kategori | | | Fasa Pelaksanaan | | | Agensi Pemula | Kos Pembangunan (RM juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Projek | Program | Kawalan | 2021-2025 | 2026-2030 | 2031-2035 | | |
| 1. | TU 1 | Cadangan pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pekan yang baharu | | | | | | S | MDP dan Pemilik (Pejabat DYMM Sultan) | 50.00 |
| 2. | TU 2 | Cadangan Pejabat Cawangan MDP di PPK Simpang Tiga Chini | | | | | | | Swasta atau MDP secara penswastaan | 8.00 |
| 3. | TU 3 | Cadangan pengukuhan organisasi Majlis Perbandaran Pekan | | | | | | | MDP | Kos Pengurusan |
| 4. | TU 4 | Cadangan pengukuhan pengurusan Kawasan Biosfera Tasik Chini dan CFS Tasik Chini | | | | | | | PBN | Kos pengurusan |
| 5. | TU 5 | Cadangan pembangunan bangunan pejabat baharu IADA Pekan | | | | | | | MOA, IADA Pekan | 8.00 |
| 6. | TU 6 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Bandar Pekan | | | | | | | PM | 1.50 |
| 7. | TU 7 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Pekan Peramu | | | | | | | PM | 1.00 |
| 8. | TU 8 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Pekan Nenasi | | | | | | | PM | 1.50 |
| 9. | TU 9 | Cadangan kajian sumber air di dalam mencari kemungkinan menggunakan kaedah alternatif lain di masa hadapan | | | | | | | BKSA, SPAN | 2.00 |
| 10. | TU 10 | Cadangan kajian kesan kenaikan paras laut kepada kawasan persisiran pantai Daerah Pekan | | | | | | | PM Pahang | 2.00 |
| 11. | TU 11 | Cadangan kajian tahap penerobosan air masin di sungai-sungai utama Daerah Pekan | | | | | | | JPS SM | 1.50 |
| 12. | TU 12 | Cadangan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi Bandar Pekan – Peramu | | | | | | | JPS Pekan | 1.50 |
| 13. | TU 13 | Cadangan kajian kemungkinan membina kincir angin di pantai muara Sungai Pahang | | | | | | | SEDA/ Tourism Pahang | 1.00 |
| 14. | TU 14 | Cadangan kajian persempadanan kawasan projek IADA Pekan | | | | | | | IADA, JPS | 1.50 |
| 15. | TU 16 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Bandar Pekan | | | | | | | ECERDC | 1.50 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **13** | **6** | **6** | | | | | |

Nota : MDP - Majlis Daerah Pekan; PPK - Pusat Petempatan Kecil; CFS - Rangkaian Koridor Ekologi; IADA - Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu; PBN - Pihak Berkuasa Negeri; MOA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; PM - PLANMalaysia; BKSA - Badan Kawal Selia Air; SPAN - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; JPS SM - Jabatan Pengairan dan Saliran Semenanjung Malaysia; JPS Pekan - Jabatan Pengairan dan Saliran Pekan; SEDA - *Sustainable Energy Development Authority Malaysia;* ECERDC - Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur

Nota : **S** – Projek bersambungan selepas tahun perancangan 5 ke 15 tahun sebelum siap sepenuhnya.

# 3.0 PENILAIAN IMPAK SOSIAL

## 3.1 PENGENALAN

Penilaian Impak Sosial adalah :

> "satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut."

Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) adalah satu bentuk proses mengurus impak di peringkat penyediaan dasar dan pelan pembangunan. SIA bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) ini dilakukan seiring dengan penyediaan Pelan Kemampanan mengambil kira aspek sosial sebagai salah satu kategori penilaian utama bersama aspek fizikal, ekonomi dan alam sekitar. Kajian SIA untuk Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) akan meneliti perkara-perkara berikut:

1. Golongan terkesan langsung dan tidak langsung (*vulnerable*) dari projek pembangunan yang dicadangkan;
2. Kawasan sensitif sosial dan mitigasi sosial umum; dan
3. Kesan/impak sosial dari strategi-strategi dan cadangan-cadangan untuk dipertimbangkan bagi kajian SIA yang perlu dikemukakan oleh penggerak projek apabila ia dilaksanakan kelak menurut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), khususnya melalui pindaan pada tahun 2017 iaitu Akta A1522.

Faedah-faedah yang boleh diperolehi hasil daripada pelaksanaan SIA bagi kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) ini adalah seperti berikut:

1. Kesaksamaan sosial dan ekuiti;
2. Penerimaan komuniti terhadap projek pembangunan;
3. Memaksimumkan faedah sosio-ekonomi dan meminimumkan kos;
4. Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan;
5. Membangunkan kapasiti komuniti; dan
6. Melindungi golongan mudah terjejas (*vulnerable group*).

Proses penyediaan SIA Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) ini walau bagaimanapun lebih bersifat *scoping* dan jangkaan-jangkaan impak awalan. Ia juga telah meneliti jangkaan impak-impak umum dan pihak terkesan bagi semua projek dan program Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) untuk memahami justifikasi dan kepentingan projek dan program tersebut kepada pihak berkepentingan dan penduduk Daerah Pekan.

Ia juga lebih bersifat SIA untuk menilai projek dan program yang dikemukakan oleh Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) yang mana tindakan lanjutan untuk menyediakan SIA menurut Manual SIA Edisi ke-2 adalah di bawah kuasa PLANMalaysia@Pahang dan Majlis Daerah Pekan untuk memasukkannya sebagai satu keperluan secara pentadbiran.

## 3.2 SENSITIVITI MASYARAKAT DAERAH PEKAN DAN HUBUNGAN SOSIAL

### 3.2.1 KUMPULAN SOSIAL PENDUDUK

Data penduduk Daerah Pekan berdasarkan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan, Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menunjukkan penduduk daerah ini dibentuk oleh dua (2) kelompok iaitu warganegara Malaysia dan bukan warganegara. Secara perbandingan dengan senario negara, penduduk bukan warganegara membentuk peratusan yang agak tinggi iaitu hampir 5 peratus dari keseluruhan penduduk daerah. Rujuk **Carta 3.1**.

**Carta 3.1 : Komposisi Penduduk mengikut Bangsa, Daerah Pekan, 2018**




*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

Kebanyakan penduduk bukan warganegara merupakan kumpulan pekerja/buruh warga asing yang bekerja di kawasan ladang-ladang ataupun kumpulan masyarakat Kemboja yang telah mendiami daerah ini sejak lebih 30 tahun lalu.

Majoriti penduduk di Daerah Pekan adalah bumiputera berbangsa Melayu. Kumpulan lain adalah dalam komposisi yang kecil seperti Cina hanya 1.13 peratus dan India 0.33 peratus sahaja.

### 3.2.2 MASYARAKAT MELAYU PEKAN PAHANG

Dengan jumlah penduduk Bumiputera Melayu yang ramai, cara hidup masyarakat di Daerah Pekan banyak mencerminkan kebudayaan Melayu Islam. Ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan bahasa Melayu dan tulisan, termasuk tulisan jawi, cara berpakaian serta adat dan tradisi yang melambangkan semangat kejiranan dan persaudaraan di dalam masyarakat.

Pekan merupakan pusat pentadbiran negeri Pahang yang pertama dari tahun 1889-1898, dan kekal sebagai Bandar Diraja Pahang sehingga sekarang. Penduduk kampung di sekitar Istana Abu Bakar merupakan golongan pekerja istana yang diizinkan dengan budi bicara baginda menduduki tanah kesultanan sejak bergenerasi.

Kesantunan masyarakat Melayu di Daerah Pekan khususnya di Bandar Pekan masih utuh, sesuai dengan sejarah kumpulan masyarakat terbesar di sini yang pada asalnya merupakan kumpulan pekerja-pekerja istana, memberi khidmat kepada Paduka Sultan Pahang dan keturunannya sejak berzaman. Malah kemahiran mereka menyantuni keluarga Diraja sejak berzaman diturunkan dari generasi ke generasi, misalnya tenunan Pahang dan Baju Kurung Pahang sebagai pakaian tradisi dan Puding Diraja sebagai makanan istimewa Daerah Pekan. Dari sudut ekonomi, latar belakang sejarah ini menjadikan masyarakat Melayu Pekan lebih selesa bekerja sebagai kakitangan kerajaan atau swasta. Manakala aktiviti ekonomi niaga di dominasi oleh masyarakat lain, termasuklah oleh masyarakat kemboja. Konflik antara masyarakat boleh berlaku apabila terdapat pertembungan kepentingan dari aspek ekonomi niaga namun secara umumnya masyarakat Melayu Pekan dapat menerima kumpulan masyarakat kemboja dalam struktur masyarakat daerah secara keseluruhannya.

Secara umumnya, unsur-unsur Kesultanan Melayu Pahang jelas terdapat di Daerah Pekan yang diekspresikan dari segi senibina dan adat istiadat. Di antara adat-istiadat yang menzahirkan kebesaran dan kemuliaan raja ialah istiadat pertabalan, perkahwinan, Hari Keputeraan, bersiram di panca persada, bersalin, berkhatan, berandam surai dan lain-lain lagi. Dalam setiap istiadat Diraja ini, terdapat alat-alat kebesaran dan peraturannya yang tersendiri yang masih terus digunakan hingga ke hari ini dan dikawal kesempurnaannya agar dapat diteruskan oleh generasi seterusnya.

Dari segi adat dan tradisi, masyarakat Melayu di Daerah Pekan masih lagi mengamalkan tradisi solat berjemaah, gotong royong, kenduri, majlis bacaan yasin dan doa selamat, sambutan hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul dan lain-lain lagi yang melambangkan semangat perpaduan dan persaudaraan yang utuh. Walau bagaimanapun pengaruh permodenan banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat khususnya generasi baru. Misalnya penggunaan tulisan jawi sudah kurang dipraktikkan, baju tradisional semakin kurang digunakan oleh masyarakat Melayu terutamanya di kalangan golongan muda akibat dari pengaruh media masa dan perkembangan fesyen terkini.

Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menekankan kepada memperkukuhkan imej Bandar Diraja, mengiktiraf kampung-kampung warisan, memperkukuhkan kampung-kampung tradisi dan membangunkan kemudahan-kemudahan kemasyarakatan jiwa budaya tradisi Melayu bersultan dikekalkan dan diperkembangkan agar dapat mengukuh dan membina nilai-nilai luhur masyarakat Melayu serta dapat mengelakkan kerapuhan sistem nilai di kalangan anggota masyarakat akibat dari kemajuan zaman dan perubahan nilai-nilai budaya.

### 3.2.3 MASYARAKAT KAWASAN PETEMPATAN FELDA/FELCRA

Masyarakat di petempatan FELDA/FELCRA juga didominasi oleh masyarakat Melayu Pahang, bukan sahaja penduduk asal Daerah Pekan malah dari daerah-daerah lain di Negeri Pahang. Penduduk bumiputera bukan Melayu iaitu masyarakat Orang Asli dan bangsa-bangsa lain turut menjadi peserta petempatan ladang walaupun peratusan mereka adalah kecil. Masyarakat petempatan FELDA/FELCRA kebanyakannya merupakan golongan petani dan sebilangan kecil menceburkan diri dalam ekonomi niaga seperti membuka kedai runcit dan perkhidmatan isirumah.

Dari segi adat dan tradisi, masyarakat Melayu di kawasan petempatan FELDA/FELCRA masih lagi mengamalkan tradisi solat berjemaah, gotong royong, kenduri, majlis bacaan yasin dan doa selamat dan lain-lain untuk mempererat semangat persaudaraan. Kawasan petempatan FELDA/FELCRA ini lebih meriah pada hari cuti persekolahan/hari raya kerana anak-anak generasi kedua dan ketiga akan pulang ke kampung.

Pertambahan penduduk di kawasan petempatan FELDA/FELCRA khususnya bagi generasi ke dua yang tidak berhijrah keluar menimbulkan tekanan kepada penyediaan kawasan tambahan bagi petempatan generasi ke dua.

Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menekankan kepada meningkatkan akses masyarakat FELDA/FELCRA kepada kemudahan perumahan generasi kedua, keselesaan mendapatkan barangan dan perkhidmatan dan kemudahan bermasyarakat.

### 3.2.4 BUMIPUTERA ORANG ASLI DAERAH PEKAN

Bumiputera Orang Asli Pekan dibentuk oleh suku kaum Jakun. Kini terdapat 34 buah kampung orang asli di Daerah Pekan dengan penumpuan utamanya di Blok Perancangan 11 Bebar, Blok Perancangan 10 Penyor dan Blok Perancangan 9 Lepar. Di antara kampung-kampung orang asli yang utama ialah seperti di **Jadual 3.1** :

**Jadual 3.1 : Perkampungan Utama Orang Asli di Daerah Pekan**

| BIL | Nama Kampung Orang Asli | Jumlah Penduduk |
|---|---|---|
| 1. | Kampung Orang Asli Permatang Keledang | 536 |
| 2. | Kampung Orang Asli Bangkong | 568 |
| 3. | Kampung Orang Asli Batu Gong | 1,131 |
| 4. | Kampung Orang Asli Tasik Mentiga | 489 |
| 5. | Kampung Orang Asli Sri Makmur | 766 |
| 6. | Kampung Orang Asli Api Larat | 691 |
| 7. | RPS Runchang | 1,821 |
| 8. | Kampung Orang Asli Simpai | 1,225 |

Penduduk orang asli kebanyakannya menetap di kawasan pedalaman berhampiran dengan kawasan hutan yang sebahagiannya telah bertukar guna tanah menjadi tanah pertanian. Terdapat juga kampung orang asli di kawasan bandar contohnya, Kampung Orang Asli Keledang.

Isu masyararakat Orang Asli pada masa ini adalah isu sosio-ekonomi di mana kemudahan dan kampung yang masih tidak sempurna, infrastuktur yang masih belum lengkap dan sebahagian mempunyai jalan masuk yang terhad. Isu terbesar bagi masyarakat Orang Asli ialah tekanan kepada kawasan petempatan mereka di mana banyak tanah pertanian telah dimajukan dari kawasan persekitaran mereka sedangkan kampung mereka tiada sempadan yang jelas dan sempadan tanah rizab Orang Asli belum diwartakan. Walaubagaimanapun, proses merizab dan mewartakan ini masih didalam tindakan Pihak Berkuasa Negeri. Masyarakat Orang Asli kebanyakannya melibatkan diri dalam pencarian hasil hutan, bekerja sebagai petani, nelayan dan terdapat juga yang bekerja dengan pihak swasta. Terdapat juga usaha-usaha oleh mereka untuk melibatkan diri didalam projek agropolitan dan juga menceburi di dalam bidang pembuatan kraf tangan seperti alat perkayuan seperti papan cincang, kayu lesung dan sudip kayu.

Masyarakat Orang Asli juga berpeluang untuk melibatkan diri di dalam sektor pelancongan seperti penduduk di Kampung Orang Asli Gumum dan beberapa kampung lain di sekitar Tasik Chini dan penduduk Kampung Orang Asli RPS Runchang yang boleh melibatkan diri di dalam projek pelancongan *Black Water Jewel*.

Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menekankan kepada menjaga hak orang asli kepada kawasan petempatan asal mereka dengan memastikan pendudukan dan penggunaan tanah yang sah, meningkatkan akses masyarakat kepada kemudahan dan infrastrutur asas yang sempurna dan peluang meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka.

### 3.2.5 Masyarakat Melayu Kemboja

Penduduk Melayu Kemboja merupakan kelompok utama masyarakat bukan warganegara yang terdapat di Daerah Pekan. Mereka merupakan warganegara Kemboja yang di bawa berhijrah ke Daerah Pekan dari negara asal mereka oleh pihak PERKIM (Perbadanan Kemajuan Islam Malaysia) sejak lebih 30 tahun yang lalu akibat dari kekacauan yang berlaku di negara asal mereka. Terdapat juga sebahagian daripada penduduk Kemboja ini yang datang berhijrah secara persendirian dan membina petempatan sejak 20-30 tahun yang lalu.

Generasi masyarakat Kemboja telah berkembang ke generasi kedua dan ketiga dan sebahagian mereka yang lahir di negara ini merupakan warganegara yang sah. Petempatan utama masyarakat Kemboja ini terletak di BP 1 Pekan (Kg. Sekukoh, Kg. Pasir Panjang, Kg. Ketapang Tengah dan Kg. Ketapang Hilir) dan di BP 5 Langgar (Kg. Pulau Keladi, Kg. Kemahang, Tg. Medang Hilir, Kg. Sekor, Kg. Tg. Medang Hulu). Dari 6,100 orang penduduk bukan warganegara (2018), dijangkakan sekurang-kurangnya 4,500 orang merupakan penduduk Kemboja. Ini dijangkakan bertambah dari sekitar 3,000 orang pada tahun 2002[1].

Petempatan masyarakat Kemboja yang terletak di sepanjang Sungai Pahang dan mereka menduduki tanah-tanah yang berada di atas kawasan rizab sungai, dan sebahagian di atas badan air dalam bentuk rumah rakit. Kedudukan petempatan merupakan faktor utama yang mempengaruhi aktiviti ekonomi mereka. Sebahagian besar masyarakat ini menjalankan penternakan ikan sangkar. Aktiviti ini biasanya dijalankan secara bersendirian atau perkongsian dengan berbekalkan modal sendiri. Hasil tangkapan diniagakan di Bandar Pekan, Kuantan atau di bandar-bandar berdekatan. Selain dari itu, terdapat juga diantara mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan terutamanya pakaian. Barang-barang jualan ini biasanya dibeli secara borong di Thailand yang kemudiannya dijual di pasar borong dan pasar malam di Daerah Pekan. Oleh itu, sebilangan masyarakat Kemboja mempunyai taraf ekonomi yang tinggi disebabkan oleh pergantungan ekonomi yang mempunyai hasil yang tinggi. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada perkembangan ekonomi Daerah Pekan.

Dari segi kualiti fizikal, penyediaan kemudahan masyarakat dan infrastruktur di petempatan masyarakat Kemboja adalah mencukupi dan berada di tahap yang memuaskan. Didapati di kawasan petempatan masyarakat Kemboja terdapat surau yang dibina oleh masyarakat ini bagi mengadakan aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah dan kelas agama Fardu Ain. Masyarakat Kemboja juga berpeluang mendapat kemudahan pendidikan dan kemudahan sosial lain yang membolehkan mereka berinteraksi dengan penduduk tempatan.

Tiada organisasi khusus yang wujud dalam masyarakat Kemboja yang mana seorang wakil dilantik di kalangan mereka sebagai ahli JKK. Dari segi sosio-budaya, tahap perhubungan dan interaksi masyarakat Kemboja dengan penduduk tempatan adalah di tahap yang lemah. Keadaan ini disebabkan oleh masalah komunikasi serta sikap masyarakat ini sendiri yang kurang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh penduduk tempatan.

Walaupun tahap hubungan serta semangat kejiranan tidak begitu erat di antara masyarakat Kemboja dan penduduk tempatan, namun tiada perselisihan faham yang berlaku antara masyarakat kemboja dan penduduk tempatan. Penerimaan penduduk tempatan terhadap masyarakat Kemboja menunjukkan sikap toleransi yang tinggi di mana ianya merupakan elemen penting ke arah mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh pihak pengurusan JKKK bagi menggalakkan penyertaan masyarakat Kemboja dalam aktiviti kemasyarakatan dan seterusnya mengeratkan hubungan dan interaksi antara anggota masyarakat di Daerah Pekan.

Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) menekankan kepada memastikan pematuhan undang-undang tentang kawasan pendudukan mereka, kawalan pembesaran kampung secara sah dan mengurus tekanan sosial seperti gangguan akses kepada pendidikan, kemudahan dan perumahan yang sempurna dan selamat.

[1] Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2015

## 3.3 KAWASAN SENSITIF SOSIAL

Apa itu Kawasan Sensitif Sosial?

Kawasan sensitif sosial (KSS) adalah merupakan kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan yang boleh membawa perubahan sosial yang sangat ketara, akibat dari kesediaan persekitaran sosialnya yang tersedia rapuh (*fragile*) kerana komposisi masyarakatnya, atau konflik semasa yang berlaku, atau mempunyai sejarah perisitwa-peristiwa yang mendedahkan masyarakat kepada tekanan-tekanan sosial sehinggakan masyarakat sukar menerima impak-impak baru yang menambah kepada konflik semasa.

*Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)*

Aspek sensitiviti sosial termasuklah :

1. Tahap sosio-ekonomi masyarakat (contoh : tahap kemiskinan, kurang peluang pekerjaan);
2. Tekanan sosial semasa (contoh : pendudukan yang tidak sah, pencerobohan kepada kawasan petempatan);
3. Asal usul kelompok masyarakat (contoh : kelompok warga asing);
4. Konflik di antara dua atau beberapa kelompok masyarakat (contoh : persaingan ekonomi dari bangsa yang berbeza);
5. Akses kepada kemudahan dan infrastruktur (contoh : kedudukan terlalu jauh dari pusat perkhidmatan, kekurangan keperluan asas);
6. Ancaman kehidupan dari bencana (contoh : tinggal di kawasan yang sering dinaiki banjir dan kediaman terhakis);
7. Kerentanan (*vulnerability*) komuniti semasa bencana; dan
8. Lain-lain yang membawa kepada tekanan sosial dalam masyarakat.

Perincian kawasan sensitif sosial di Daerah Pekan, aspek sensitiviti dan cadangan tindakan pengurusan sosial adalah seperti di **Jadual 3.2**. Rujuk **Rajah 3.1** untuk taburan kawasan sensitif sosial di Daerah Pekan.



Kestabilan sosial masyarakat Orang Asli.



Kesiapsiagaan masyarakat semasa bencana.

**Jadual 3.2 : Pengenalpastian Kawasan Sensitif Sosial**

| Bil. | Kawasan Sensitif Sosial | Kelompok Masyarakat | Aspek Sensitiviti Sosial | Cadangan Tindakan Pengurusan Sosial |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kg. Tg. Agas (termasuk Kg. Sekukuh) | ▪ Melayu tradisi dan kemboja | ▪ Masyarakat Melayu dan masyarakat Kemboja (warganegara dan bukan warganegara) yang rata-rata berpendapatan rendah.<br>▪ Mendiami kawasan yang menerima tekanan sosial (impak trafik, pencemaran dan tekanan pembangunan) dari pembangunan projek Industri Maritim Tg Agas.<br>▪ Mendiami kawasan perkampungan/pertanian yang terdedah kepada risiko bencana pantai seperti banjir air pasang besar, hakisan pantai dan gangguan aktiviti perikanan pantai oleh Pelabuhan Tanjung Agas. | ▪ Mengambil kira kesan sosial kepada penduduk kawasan terlibat kesan dari pembangunan industri Tg. Agas dan kawasan sekitar melalui kajian SIA yang lengkap (oleh Penggerak Projek);<br>▪ Mengambil kira keperluan masyarakat warga negara yang mendiami kawasan berisiko bencana dan meningkatkan daya tahan masyarakat menghadapi bencana;<br>▪ Menguruskan tekanan sosial dari kemasukan warga asing, perubahan sosial ke atas masyarakat seperti gangguan akses kepada pendidikan, kemudahan dan perumahan yang sempurna;<br>▪ Menguruskan impak sosial dan projek pembangunan melalui kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA); dan<br>▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi. |
| 2. | Kg. Orang Asli Kledang | ▪ Orang Asli | ▪ Masyarakat Orang Asli yang mendiami kawasan yang terhimpit dengan pembangunan bandar di sepanjang Jalan Pekan – Sg. Miang | ▪ Kawalan sempadan kampung belum diwarta oleh itu menetap atas rizab tanah kerajaan yang terdedah kepada pembangunan. Penandaan dan pewartaan sempadan perlu disegerakan;<br>▪ Konflik dengan masyarakat sekitar bukan Orang Asli sudah bermula dan perlu dibendung; dan<br>▪ Keperluan menangani masalah tekanan sosio-ekonomi melalui langkah-langkah pembetulan seperti penyediaan akses untuk mereka berdikari seperti penyediaan ruang niaga dan peluang pekerjaan. |

| Bil. | Kawasan Sensitif Sosial | Kelompok Masyarakat | Aspek Sensitiviti Sosial | Cadangan Tindakan Pengurusan Sosial |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Kg. Pulau Keladi dan Pulau Tambang | ▪ Melayu tradisi dan kemboja | ▪ Kawasan perkampungan masyarakat Melayu dan masyarakat Kemboja (warganegara dan bukan warganegara) yang padat di atas rizab sungai dan badan air (sungai).<br>▪ Masyarakat Kemboja menjalankan aktiviti perikanan dalam sangkar di Sungai Pahang yang merupakan kawasan risiko bencana. | ▪ Mengambil kira keperluan masyarakat warganegara yang mendiami kawasan berisiko bencana (banjir) dan meningkatkan daya tahan masyarakat menghadapi bencana;<br>▪ Menguruskan tekanan sosial dari kemasukan warga asing, perubahan sosial ke atas masyarakat seperti gangguan akses kepada pendidikan, kemudahan dan perumahan yang sempurna;<br>▪ Kawalan pembesaran kampung secara tidak sah termasuk di atas rizab tanah kerajaan; dan<br>▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi. |
| 4. | Kg. Tanjung Medang | ▪ Melayu tradisi dan kemboja | ▪ Kawasan perkampungan masyarakat Melayu dan masyarakat Kemboja (warganegara dan bukan warganegara) yang padat di atas rizab sungai dan badan air (sungai).<br>▪ Masyarakat Kemboja menjalankan aktiviti perikanan dalam sangkar di Sungai Pahang yang merupakan kawasan risiko bencana. | ▪ Mengambil kira keperluan masyarakat yang mendiami kawasan berisiko bencana (banjir) dan meningkatkan daya tahan mereka menghadapi bencana dengan mengambilkira pendudukan mereka secara tidak sah di atas rizab sungai dan badan air;<br>▪ Menguruskan tekanan sosial dari kemasukan warga asing, perubahan sosial ke atas masyarakat seperti gangguan akses kepada pendidikan, kemudahan dan perumahan yang sempurna;<br>▪ Kawalan pembesaran kampung secara tidak sah termasuk di atas rizab tanah kerajaan; dan<br>▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi. |

| Bil. | Kawasan Sensitif Sosial | Kelompok Masyarakat | Aspek Sensitiviti Sosial | Cadangan Tindakan Pengurusan Sosial |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Kg Aur Gading dan Kg. Sg. Ganchong dan Pulau Ganchong | ▪ Melayu tradisi dan kemboja | ▪ Kawasan perkampungan masyarakat Melayu dan masyarakat Kemboja (warganegara dan bukan warganegara) di atas rizab sungai dan badan air (sungai) serta kawasan pulau di Sungai Pahang<br>▪ Masyarakat Kemboja menjalankan aktiviti perikanan dalam sangkar di Sungai Pahang | ▪ Mengambil kira keperluan masyarakat warga negara yang mendiami kawasan berisiko bencana (banjir) dan meningkatkan daya tahan masyarakat menghadapi bencana;<br>▪ Menguruskan tekanan sosial dari kemasukan warga asing, perubahan sosial ke atas masyarakat seperti gangguan akses kepada pendidihb kan, kemudahan dan perumahan yang sempurna;<br>▪ Kawalan pembesaran kampung secara tidak sah termasuk di atas rizab tanah kerajaan; dan<br>▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi. |
| 6. | Kg. Cenderawasih | ▪ Melayu kemboja | ▪ Kawasan perkampungan masyarakat Kemboja (bukan warganegara) yang tidak sah<br>▪ Pembesaran kawasan perkampungan | ▪ Mengambil kira keperluan masyarakat warga negara yang mendiami kawasan petempatan tidak sah dan risiko pencerobohan tanah pertanian/perhutanan untuk pentempatan bukan warganegara;<br>▪ Menguruskan tekanan sosial dari keperluan masyarakat bukan warganegara kepada akses pendidikan, kemudahan dan perumahan yang sempurna;<br>▪ Kawalan pembesaran kampung secara tidak sah termasuk di atas rizab tanah kerajaan; dan<br>▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi atau Menggaji PATI atau membenarkan PATI dalam Premis. |
| 7. | Merchong – Kg. Badong, Kg. Permatang Tenggiling, Kg. Merawan, Kg. Serul, Kg. Serun | ▪ Melayu tradisi | ▪ Kawasan perkampungan tradisi yang terlibat dengan kawasan hakisan pantai yang teruk merosakkan jeti, jalan kampung. | ▪ Mengambil tindakan mitigasi kejuruteraan pantai di kawasan-kawasan petempatan pinggir laut; atau<br>▪ Memindahkan penduduk yang terjejas teruk ke penempatan baru; dan<br>▪ Memperbaiki kemudahan-kemudahan jeti pendaratan dan kemudahan lain yang terjejas. |

| Bil. | Kawasan Sensitif Sosial | Kelompok Masyarakat | Aspek Sensitiviti Sosial | Cadangan Tindakan Pengurusan Sosial |
|---|---|---|---|---|
| 8. | FELCRA Sri Makmur | ▪ Melayu tradisi dan orang asli | ▪ Kawasan petempatan pertanian FELCRA yang jauh dari kemudahan perbandaran (Pusat Daerah Bandar Pekan lebih 80 km jauhnya) | ▪ Menaiktaraf jalan raya penghubung petempatan FELCRA ini ke Bandar Pekan dan daerah bersempadan untuk memberi kemudahan akses yang lebih pantas dan muda; dan<br>▪ Menyediakan kemudahan perkhidmatan bergerak seperti perpustakaan, kaunter pembayaran cukai, kaunter bil dan lain-lain di kawasan pusat bandar secara berkala. |
| 9. | Bandar 12 | ▪ Buruh bukan warga negara | ▪ Kawasan petempatan pekerja ladang dari kalangan buruh asing dan menetap di kawasan petempatan mereka dalam jumlah yang ramai serta terasing dari masyarakat tempatan di luar, kecuali semasa bekerja di kilang sawit / kilang minyak sawit di Kota Perdana | ▪ Lain-lain tindakan perundangan dan penguatkuasaan petempatan haram dan pendudukan tidak sah PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan tindakan-tindakan bagi Kesalahan Melindungi atau Menggaji PATI atau membenarkan PATI dalam Premis;<br>▪ Menjalankan pemeriksaan kesihatan pekerja asing secara berkala; dan<br>▪ Menjalankan rondaan dan kawalan jenayah secara berkala. |
| 10. | Kg Gumum Tasik Chini dan Kampung-kampung di dalam CFS2-SL2 (H.S Chini-H.S Lepar | ▪ Orang Asli<br>▪ Melayu tradisi | ▪ Masyarakat orang asli yang mendiami kawasan CFS dan biosfera Tasik Chini dan melalui peroses perubahan gaya hidup dengan perkembangan pelancongan dan perubahan ekosistem Tasik Chini.<br>▪ Kawasan kampung KOA Gumum yang sudah padat dan kekurangan ruang untuk dibina rumah baru<br>▪ Kampung di dalam CFS2-SL2 ialah Kg. Sri Makmur, KOA Sri Makmur, KOA Tanah Merah, Kg Tanah Merah, Kg Semanggah, Kg. Salong, KOA Sg Lengkor Baru, KOA Gumum, Kg Belimbing, Kg Pucung dan Kg Jemarau | ▪ Kawalan sempadan kampung belum diwarta oleh itu menetap atas rizab tanah kerajaan yang terdedah kepada pembangunan. Penandaan dan pewartaan sempadan perlu disegerakan;<br>▪ Memastikan peluang peningkatan sosio-ekonomi, kemudahan dan infrastruktur asas mencukupi;<br>▪ Perlu langkah tersusun melibatkan orang asli dan penduduk kampung melayu tradisi sebagai pihak berkepentingan utama (komuniti CFS) dalam perancangan pembangunan Tasik Chini dan CFS2-SL2 supaya kehidupan mereka tidak terjejas dan mereka mendapat manfaat yang baik dari kawasan rizab biosfera ini; dan<br>▪ Memberi pendedahan tentang kaedah tempatan untuk menangani/ mengurangkan konflik manusia dan hidupan liar untuk keselamatan mereka. |

| Bil. | Kawasan Sensitif Sosial | Kelompok Masyarakat | Aspek Sensitiviti Sosial | Cadangan Tindakan Pengurusan Sosial |
|---|---|---|---|---|
| 11. | RPS Runchang, dan kampong-kampung dalam CFS2-PL5 (H.S. Ibam – H.S. Kedondong, H.S. Pekan dan H.S. Nenasi) | ▪ Orang Asli<br>▪ Melayu tradisi | ▪ Masyarakat orang asli yang mendiami kawasan CFS Runchang dan melalui peroses perubahan gaya hidup dengan perkembangan pelancongan dan perubahan ekosistem CFS dan Black Water Jewel.<br>▪ Kampung di dalam CFS2-PL5 ialah RPS runchang, KOA Simpai, KOA Padang dan Kota perdana | ▪ Kawalan sempadan kampung belum diwarta oleh itu menetap atas rizab tanah kerajaan yang terdedah kepada pembangunan. Penandaan dan pewartaan sempadan perlu disegerakan;<br>▪ Memastikan peluang peningkatan sosio-ekonomi, kemudahan dan infrastruktur asas mencukupi;<br>▪ Perlu langkah tersusun melibatkan orang asli dan penduduk Kota Perdana sebagai pihak berkepentingan utama (komuniti CFS) dalam perancangan pembangunan CFS Runchang dan *Black Water Jewel* supaya kehidupan mereka tidak terjejas dan mereka mendapat manfaat yang baik dari pembangunan ekospelancongan kawasan ini; dan<br>▪ Memberi pendedahan tentang kaedah tempatan untuk menangani/ mengurangkan konflik manusia dan hidupan liar untuk keselamatan mereka. |
| 12. | Kg. Api Larat dan Kg. Arong | ▪ Orang Asli | ▪ Kawasan kampung yang sudah padat dan kekurangan ruang untuk dibina rumah baru<br>▪ Masalah perumahan untuk generasi ke-2 penduduk kampung | ▪ Kawalan sempadan kampung belum diwarta oleh itu menetap atas rizab tanah kerajaan yang terdedah kepada pembangunan;<br>▪ Penandaan sempadan merangkumi kawasan tambahan bagi perumahan generasi kedua dan pewartaan sempadan perlu disegerakan; dan<br>▪ Memastikan peluang peningkatan sosio-ekonomi, kemudahan dan infrastruktur asas mencukupi. |




**Rajah 3.1**
**Kawasan Sensitif Sosial Daerah Pekan**




**1** Kg. Pasir Panjang, Tg Agas




**2** Kg. Sekukuh, Tg Agas




**3** Kg. Pulau Keladi & Pulau Tambang




**4** Kg. Tg Medang




**5** Kg Aur Gading, Kg. Sg. Gancung dan Pulau Ganchung



**6** Kg. Cenderawasih




**7** Kg. Gumum

**KAWASAN SENSITIF SOSIAL**

1. Kg. Pasir Panjang Tg. Agas
2. Kg, Sekukuh, Tg Agas
3. Kg Pulau Keladi dan Pulau Tambang
4. Kg. Tanjung Medang
5. Kg Aur Gading, Kg. Sg. Gancung dan Pulau Ganchung
6. Kg. Cenderawasih
7. Kg Gumum Tasik Chini

## 3.4 KATEGORI SIA MENURUT MANUAL PENILAIAN IMPAK SOSIAL BAGI PROJEK PEMBANGUNAN EDISI KE-2

Menurut Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan Edisi ke-2, impak sosial ketara adalah impak sosial yang dikenal pasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung (*direct impact*). Kesan ketara daripada impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif. Manual SIA menetapkan tiga (3) kategori SIA bagi projek-projek pembangunan.

### 3.4.1 SIA KATEGORI 1

SIA Kategori 1 meliputi projek pembangunan di bawah seksyen 20B Akta 172, yang perlu mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) terlebih dahulu, di mana cadangan pemajuan berserta laporan SIA hendaklah dikemukakan kepada MPFN. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Akta 172: Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 20B, Akta 172 (PPA 14), SIA Kategori 1 adalah bagi pemajuan seperti adalah seperti di **Jadual 3.3**.

### 3.4.2 SIA KATEGORI 2

SIA Kategori 2 meliputi projek pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 yang juga hendaklah dirujuk kepada MPFN untuk nasihat. Memandangkan projek-projek di bawah subseksyen 22(2A) adalah berskala besar dan mempunyai impak yang tinggi, maka laporan SIA hendaklah disediakan. Bagi SIA Kategori 2, Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) hendaklah mengemukakan cadangan pemajuan kepada MPFN berserta dengan laporan SIA. SIA Kategori 2 adalah bagi pemajuan seperti adalah seperti di **Jadual 3.4**.

### 3.4.3 SIA KATEGORI 3

SIA Kategori 3 meliputi projek-projek yang akan ditentukan oleh PLANMalaysia@Pahang atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui rundingan di peringkat negeri, dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa. Umumnya SIA Kategori 3 meliputi projek-projek selain daripada yang di bawah SIA Kategori 1 dan SIA Kategori 2, tetapi dikenal pasti oleh PLANMalaysia@Pahang atau PBT mempunyai impak sosial yang ketara, dan tidak mencukupi untuk hanya dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan di bawah perenggan 21A(1)(ea), Akta A1522. Oleh itu, bagi projek-projek pembangunan sedemikian, laporan SIA perlu disediakan dan dinilai secara berasingan. Walau bagaimanapun, ketetapan jenis-jenis projek yang memerlukan SIA Kategori 3 masih lagi dalam pertimbangan PBN dan senarai terkini akan dikeluarkan.

Impak Sosial Ketara didefinisikan sebagai impak sosial negatif yang dikenal pasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung. Kesan ketara dari impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif. Sekiranya projek pembangunan adalah bersifat strategik dan merentasi dua (2) PBT atau lebih, atau menampung penduduk tadahan yang meliputi dua (2) PBT atau lebih, maka kelulusan SIA adalah di peringkat Jawatankuasa Panel SIA di peringkat negeri. Laporan SIA selainnya boleh dikemukakan kepada PBT, melainkan ketetapan selainnya telah dibuat. Contoh-contoh pemajuan yang boleh dipertimbangkan sebagai SIA Kategori 3 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.3 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 1**

| Bil | Kategori | Jenis Pembangunan | Ciri-Ciri Pembangunan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Penebusgunaan pinggir laut** | | |
| | Penebusgunaan Pinggir Laut | Penebusgunaan pinggir laut, termasuk pulau buatan. | ▪ Yang meliputi 50 hektar atau lebih; dan<br>▪ Tidak termasuk penebusgunaan untuk pembinaan jeti atau pemulihan pantai (oleh JPS). |
| 2. | **Infrastruktur utama negara** | | |
| | a. Lapangan Terbang | ▪ Lapangan Terbang Antarabangsa;<br>▪ Lapangan Terbang Domestik; dan<br>▪ Lapangan Terbang Tentera. | ▪ Melibatkan lapangan terbang penumpang dan kargo; dan<br>▪ Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada, atau pembinaan landasan terbang baru, yang melibatkan pengambilan balik tanah. |
| | b. Pelabuhan Laut | ▪ Pelabuhan Nasional dan Wilayah;<br>▪ Pelabuhan Negeri – yang terletak di sempadan negeri; dan<br>▪ Pangkalan Tentera Laut. | ▪ Merangkumi pelabuhan penumpang dan kargo;<br>▪ Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada; dan<br>▪ Tidak termasuk jeti penumpang / nelayan / APMM / Polis Marin. |
| | c. Pelabuhan Darat | Pelabuhan darat. | ▪ Semua pelabuhan darat; dan termasuk projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada. |
| | d. Rangkaian Pengangkutan Kereta Api | Landasan dan stesen kereta api. | ▪ Melibatkan kereta api penumpang dan barang;<br>▪ Termasuklah kereta api laju, kereta api antara bandar;<br>▪ Melibatkan landasan yang merentasi 2 negeri atau lebih; dan<br>▪ Projek menaik taraf yang melibatkan pembinaan landasan baru yang melibatkan pengambilan balik tanah. |
| | e. Lebuh Raya | ▪ Lebuh raya ekspres (*expressway*); dan<br>▪ Lebuh raya (highway). | ▪ *Expressway* dan *highway* adalah seperti mana diklasifikasi oleh JKR dan LLM;<br>▪ Lebuh raya hendaklah merentasi dua (2) negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih; dan termasuk projek menaik taraf yang melibatkan pengambilan balik tanah |
| | f. Stesen Jana Kuasa | Loji dan stesen jana kuasa | ▪ Semua loji dan stesen jana kuasa nuklear;<br>▪ Loji & stesen jana kuasa yang membekalkan kuasa kepada dua (2) negeri atau lebih (termasuk solar / wind farm); dan termasuk projek menaiktaraf melibatkan pengambilan balik tanah. |
| | g. Empangan | ▪ Empangan bekalan air;<br>▪ Empangan hidro elektrik; dan<br>▪ Empangan pengairan. | ▪ Melibatkan pembinaan empangan atau kolam takungan air dengan kawasan pembukaan seluas 100 hektar atau lebih; dan<br>▪ Projek menaik taraf empangan yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada yang melibatkan pengambilan balik tanah. |
| | h. Tapak Pembuangan Sisa Toksik | Tapak pembuangan sisa toksik. | ▪ Semua tapak pembuangan sisa toksik termasuk projek menaik taraf melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada dan melibatkan pengambilan balik tanah. |
| 3. | **Infrastruktur lain yang berkepentingan negara** | | |
| | Akan ditentukan oleh MPFN dari semasa ke semasa, dengan tumpuan kepada: - Infrastruktur yang merentasi dua (2) negeri atau lebih; dan - Infrastruktur yang melibatkan tadahan penduduk dua (2) negeri atau lebih. | | |

**Jadual 3.4 : Senarai Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 2**

| Bil | Jenis Pembangunan | |
|---|---|---|
| 1. | **Perbandaran Baru** | |
| | a. Perbandaran Baru | ▪ Keluasan melebihi 100 hektar atau bilangan penduduk melebihi 10,000 orang; dan<br>▪ Mengakibatkan penempatan semula komuniti sedia ada. |
| 2. | **Infrastruktur Utama** | |
| | a. Lapangan Terbang (termasuk *short take off landing ports* (STOLports) swasta)<br>b. Pelabuhan Laut (termasuk terminal kontena swasta)<br>c. Landasan Kereta Api dan lebuh raya (termasuk *dedicated rail* dan lebuh raya swasta)<br>d. Empangan, dan stesen jana kuasa | ▪ Infrastruktur utama selain daripada yang termasuk di bawah SIA Kategori 1; dan<br>▪ Infrastruktur yang dicadangkan di dalam kawasan *sensitive receptor* yang menimbulkan impak sosial ketara. |
| 3. | **Pembangunan di puncak atau lereng bukit** | |
| | a. Kawasan puncak atau lereng bukit | ▪ Pembangunan seperti mana Panduan Pelaksanaan Akta 172 : Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Perenggan 22(2A)(c), Akta 172 (PPA 13) melibatkan :<br>– Keluasan ≥ 20 hektar;<br>– Kawasan pembangunan merupakan kawasan yang mempunyai lebih dari 50% kawasan berkecerunan 25˚; dan<br>– Cadangan pembangunan yang berdensiti tinggi iaitu ≥ 40 unit per ekar (100 unit per hektar) bagi cadangan perumahan dan ≥ 1:4 nisbah plot bagi perniagaan. |

**Jadual 3.5 : Contoh Projek Pembangunan Bagi SIA Kategori 3**

| Bil | Kategori | Jenis Pembinaan | Ciri-Ciri Pembinaan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pusat Hiburan / Taman Tema / Kasino berskala besar | ▪ Pusat Hiburan;<br>▪ Taman Tema; dan<br>▪ Kasino. | ▪ Pembinaan baru termasuk projek menaik taraf pada skala yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar dan terdapat di sekitarnya petempatan yang dikhuatiri boleh menjejas kualiti hidup dan mendatangkan kacau ganggu dan lain-lain impak. |
| 2. | Kawasan Perkuburan / Krematorium (Pembakaran mayat) / Kolumbarium | ▪ Semua jenis perkuburan (mengikut kaum);<br>▪ Semua jenis Krematorium; dan<br>▪ Semua jenis Kolumbarium. | ▪ Kawasan perkuburan yang berskala besar yang menyumbang kepada sensitiviti masyarakat sekitar;<br>▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh menjejas kesejahteraan hidup, menjejas perpaduan komuniti dan lain-lain impak; dan<br>▪ Kolumbarium tidak mengira saiz. |
| 3. | Perlombongan (Bergantung kepada PBT yang mengenakan kebenraran merancang) | ▪ Semua jenis perlombongan;<br>▪ Termasuk semua jenis pecahan batu dan kuari;<br>▪ Pengorekan mineral; dan<br>▪ Pengorekan pasir. | ▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya. |
| 4. | Kawasan Perindustrian Utama | Semua jenis kawasan perindustrian utama berskala besar. | ▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya serta kacau ganggu;<br>▪ Mewujudkan impak ekonomi dan kesejahteraan material kepada komuniti; dan<br>▪ Mempunyai implikasi ke atas nilai hartanah sekitar. |
| 5. | Projek akuakultur / penternakan berskala besar | ▪ Akuakultur; dan<br>▪ Penternakan yang memerlukan kebenaran merancang sahaja. | ▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada keselamatan, bahaya dan pencemaran;<br>▪ Mampu menjejas nilai persekitaran / kualiti estetik; dan<br>▪ Meningkatkan bebanan infrastruktur fizikal dan menjejas daya huni petempatan sekitar. |
| 6. | Loji dan Pusat Penapisan Minyak dan Gas | Penapisan Minyak dan Gas. | ▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya seperti pengeluaran asap, letupan dan kebocoran minyak. |
| 7. | Incinerator dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal | ▪ Incinerator; dan<br>▪ Tapak Pelupusan Sisa Pepejal. | ▪ Meliputi kawasan tadahan penduduk dua (2) negeri atau lebih; dan<br>▪ Terdapat di sekitarnya petempatan-petempatan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada pencemaran seperti pencemaran bau. |
| 8. | Lain-lain projek pembangunan yang ditentukan oleh PLANMalaysia@Pahang dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. | | |

# 3.5 CADANGAN PROJEK/PROGRAM SERTA KEPERLUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

Projek dan program Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) telah disenaraikan dan diteliti sama ada perlu melalui proses penyediaan Laporan SIA Kategori 1 dan 2 atau kategori 3 sebelum ia dilaksanakan. Dari penelitian senarai projek, di dapati kebanyakan projek-projek tidak perlu melalui proses penyediaan SIA Kategori 1 dan 2 manakala terdapat beberapa projek pembangunan yang sesuai dipilih sebagai projek yang memerlukan SIA Kategori 3, tertakluk kepada pertimbangan PLANMalaysia@Pahang dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Senarai projek Kategori SIA 1 dan 2 adalah dinilai berdasarkan ketetapan Manual SIA Edisi Ke-2, manakala untuk Kategori 3 adalah menurut pandangan perunding memandangkan belum ada senarai muktamad dikeluarkan oleh PLANMalaysia@Pahang.

## 3.5.1 PROJEK-PROJEK YANG MEMERLUKAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

Projek dan Program Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) yang memerlukan penyediaan Laporan SIA adalah seperti di **Jadual 3.6**. Hanya satu projek yang memerlukan penyediaan Laporan SIA Kategori 2 iaitu "Cadangan Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Sisa Pepejal dengan Pembinaan *Transfer Station* dan Lain-Lain Langkah Pengurusan Sisa Bersepadu" di bawah Teras 2: Pembangunan Infrastruktur Bersepadu, sekiranya melibatkan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti dan terletak di kawasan kurang dari 2.5 kilometer dari petempatan penduduk.

Cadangan penyediaan Laporan SIA Kategori 3 untuk 20 cadangan projek dibawah adalah menurut pandangan perunding memandangkan belum ada senarai muktamad dikeluarkan oleh PlanMalaysia@Pahang. Setiap satu cadangan projek dan program dinilai dari aspek impak positif utama dan golongan yang mendapat manfaat.



Cadangan pembangunan komersial di Pulau Beram, Pulau Bugis dan Pulau Enjin merupakan antara cadangan berimpak tinggi di Daerah Pekan.

**Jadual 3.6 : Projek-Projek yang Dicadang untuk Penyediaan Penilaian Impak Sosial**

| Bil. | Kod | Nama Projek | Impak Utama dan Golongan Terkesan | Kategori SIA | Nota |
|---|---|---|---|---|---|
| **Teras 1 : Pembangunan Spatial yang Seimbang** | | | | | |
| 1. | PR 1 | Cadangan pembangunan perumahan mampu milik | Tempat tinggal yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah | **3** | ▪ Jika ia melibatkan jumlah penduduk yang melebihi 5,000 orang dan mengakibatkan penempatan semula komuniti sedia ada |
| **Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu** | | | | | |
| 1. | IU 1 | Cadangan kawalan penerobosan air masin ke atas sumber air mentah melalui pembinaan struktur kejuruteraan sungai di Sungai Pahang | Kualiti sumber air minuman penduduk yang terpelihara | **3** | ▪ Kajian kawasan yang terlibat dengan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti sedia ada |
| 2. | IU 5 | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pahang melibatkan kawasan berisiko melalui mitigasi struktur kejuruteraan sungai | Keselamatan penduduk terjamin daripada ancaman banjir | **3** | ▪ Kajian kawasan yang terlibat dengan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti sedia ada |
| 3. | IU 7 | Cadangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pahang Tua dan di kawasan pembangunan utama Peramu | Keselamatan penduduk terjamin daripada ancaman banjir | **3** | ▪ Kajian kawasan yang terlibat dengan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti sedia ada |
| 4. | IU 9 | Cadangan meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dengan pembinaan *transfer station* dan lain-lain langkah pengurusan sisa pepejal bersepadu | Jaminan kesihatan penduduk daripada pencemaran dan penyakit yang terhasil oleh sampah sarap | **2** | ▪ Sekiranya melibatkan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti<br>▪ Jika terletak di kawasan kurang dari 2.5 kilometer dari petempatan penduduk |
| 5. | JL 1 | Cadangan menaiktaraf jalan menghubungkan FELCRA Seri Makmur ke Maran dan ke Lebuhraya Tun Razak (C106) | Kemudahan akses yang lebih pantas dan mudah bagi penduduk FELCRA ke Bandar Pekan | **3** | ▪ Sekiranya melibatkan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti |
| 6. | JL 4 | Cadangan menaiktaraf Jalan Batu Balik (82) dari persimpangan Lebuhraya Tun Razak ke Persimpangan Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik | Kemudahan akses yang lebih pantas dan mudah bagi penduduk Paloh Hinai ke Bandar Pekan | **3** | ▪ Sekiranya melibatkan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti |

| Bil. | Kod | Nama Projek | Impak Utama dan Golongan Terkesan | Kategori SIA | Nota |
|---|---|---|---|---|---|
| **Teras 3 : Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing** | | | | | |
| 1. | IN 1 | Cadangan perluasan kawasan Industri Automotif Peramu | Meningkatkan ekonomi daerah dan peluang pekerjaan kepada penduduk | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkankan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 2. | PP 4 | Cadangan pengekalan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) | Meningkatkan jaminan makanan berasaskan hasil ikan | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkankan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 3. | PP 10 | Cadangan penggalakan Program Bumi Hijau | Meningkatkan hasil pertanian termasuk hasil tanaman, perikanan dan ternakan dan meningkatkan pendapatan penduduk yang terlibat | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkankan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 4. | PP 11 | Cadangan pembangunan Agro Mix Farm Pekan | Meningkatkan hasil pertanian termasuk hasil tanaman, perikanan dan ternakan dan meningkatkan pendapatan penduduk yang terlibat | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkankan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 5. | PP 14 | Cadangan peningkatan produktiviti ternakan ayam secara mesra alam | Penghasilan hasil ternakan dan jaminan makanan daging kepada penduduk | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 6. | PP 16 | Cadangan peningkatan produktiviti akuakultur dan pembangunan kluster ikan air tawar Sungai Pahang secara komersial | Jaminan makanan hasil ikan dari sungai dan peluang pengelibatan penduduk tempatan bukan sahaja masyarakat kemboja | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |
| 7. | PP 21 | Cadangan pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur dan prasarana Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jeti Nelayan | Meningkatkan hasil pendapatan ikan, peluang pekerjaan serta pendapatan penduduk | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas<br>▪ Meningkatkan bebanan infrastruktur dan menjejas daya huni petempatan sekitar |

| Bil. | Kod | Nama Projek | Impak Utama dan Golongan Terkesan | Kategori SIA | Nota |
|---|---|---|---|---|---|
| **Teras 4 : Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan** | | | | | |
| 1. | AS 2 | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Utama PL5 (H.S. Ibam – H.S. Kedondong, H.S. Pekan dan H.S. Nenasi) | Membangunkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan perlindungan habitat hidupan liar | **3** | ▪ Kajian untuk menilai tahap kesediaan komuniti CFS dan penyertaan mereka |
| 2. | AS 3 | Cadangan Pelan Tindakan Perlindungan dan Pemeliharaan Koridor Ekologi CFS di Laluan Koridor Sekunder SL2 (H.S Chini – H.S. Lepar) | Membangunkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan perlindungan habitat hidupan liar | **3** | ▪ Kajian untuk menilai tahap kesediaan komuniti CFS dan penyertaan mereka |
| 3. | AS 4 | Cadangan melindungi kawasan Tasik Chini daripada aktiviti pembangunan yang mengancam Tasik Chini serta menaiktaraf aktiviti pelancongan semasa | Persekitaran Tasik Chini yang terpelihara untuk dihayati oleh generasi akan datang | **3** | ▪ Kajian untuk menilai tahap kesediaan komuniti CFS dan komuniti sekitar Tasik Chini khususnya masyarakat Orang Asli |
| | | | Persekitaran Tasik Chini dipulihkan menyelesaikan masalah pencemaran kepada penduduk dan integriti ekosistem tasik | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas termasuk pendedahan kepada risiko bahaya dan pencemaran di persekitaran 2.5 kilometer<br>▪ Mampu menjejas nilai persekitaran / kualiti kehidupan masyarakat sekitar termasuk Orang Asli dan kualiti estetik dikalangan pengunjung |
| 4. | AS 6 | Cadangan projek dan program kawalan hakisan pantai dan kawasan risiko pantai | Mengurangkan bencana hakisan yang menjejaskan kehidupan masyarakat pinggir pantai | **3** | ▪ Sekiranya melibatkan pengambilan tanah serta penempatan semula komuniti |
| **Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien** | | | | | |
| 1. | TU 1 | Cadangan pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pekan yang baharu | Kemudahan berpusat bagi urusan pentadbiran yang selesa untuk kegunaan penduduk | **3** | ▪ Kerana melibatkan kawasan yang luas dan penempatan semula komuniti sedia ada |
| 2. | TU 4 | Cadangan pengukuhan pengurusan Kawasan Biosfera Tasik Chini dan CFS Tasik Chini | Pemeliharaan kawasan biosphera untuk generasi masa depan dan peningkatan hidup masyarakat Orang Asli | **3** | ▪ Sekiranya terdapat petempatan disekitar yang dikhuatiri mengalami kualiti persekitaran yang terjejas termasuk pendedahan kepada risiko bahaya dan pencemaran di persekitaran 2.5 kilometer<br>▪ Mampu menjejas nilai persekitaran / kualiti kehidupan masyarakat sekitar termasuk Orang Asli dan kualiti estetik dikalangan pengunjung |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

## 3.5.3 PROJEK DAN PROGRAM RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN) YANG TIDAK MEMERLUKAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

Projek dan program Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) yang tidak memerlukan Penilaian Impak Sosial adalah seperti di **Jadual 3.7**. Setiap satu cadangan projek dan program dinilai dari aspek impak positif utama dan golongan yang mendapat manfaat. Impak positif utama dan golongan mendapat manfaat adalah seperti disenaraikan.

**Jadual 3.7 : Cadangan Projek/Program yang tidak Memerlukan Penilaian Impak Sosial**

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| **Teras 1: Pembangunan Spatial yang Seimbang** | | | |
| 1. | PD 8 | Cadangan pengekalan Kampung Tradisi terpilih sebagai Kampung Warisan | ▪ Pembangunan sosio-ekonomi kampung dari pelancongan dan penghayatan budaya di kalangan masyarakat kampung-kampung terpilih<br>▪ Kajian sosio-budaya boleh dilaksanakan untuk tindakan lanjutan sebelum pelaksanaan |
| 2. | OA 1 | Cadangan penentuan sempadan rizab perkampungan Orang Asli | ▪ Kualiti kehidupan masyarakat orang asli yang lebih terjaga |
| 3. | OA 2 | Cadangan pembangunan kemudahan masyarakat, infrastruktur, sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli | ▪ Kualiti kehidupan masyarakat orang asli yang lebih terjaga |
| 4. | RB 1 | Cadangan menaiktaraf imej pintu masuk ke Daerah Pekan, pusat-pusat bandar dan kawasan pelancongan | ▪ Imej daerah yang lebih baik dikalangan pengguna jalan raya |
| 5. | RB 2 | Cadangan pengukuhan imej laluan protokol dan persimpangan utama bandar (Jalan Sultan Abu Bakar dan Jalan Sri Terentang) | ▪ Imej bandar diraja yang kukuh dan rakyat dapat mendalami kehidupan Diraja |
| 6. | RB 3 | Cadangan pembaharuan semula bandar di Pusat Bandar Pekan | ▪ Guna tanah bandar yang lebih optimum di kalangan pemilik tanah dan hasil Majlis |
| 7. | RB 4 | Cadangan pengindahan Bandar Pekan | ▪ Guna tanah bandar yang lebih optimum dikalangan pemilik tanah dan hasil Majlis |
| 8. | RB 5 | Cadangan pengindahan Peramu – Taman Tasik Sultan Abu Bakar Fasa II | ▪ Kawasan rekreasi bandar yang menarik bagi penduduk Peramu |
| 9. | KM 1 | Cadangan pengukuhan kemudahan pendidikan dengan penaiktarafan kemudahan latihan lepasan sekolah dan pembinaan sekolah menengah baharu | ▪ Kemahiran penduduk setempat yang lebih baik dan peluang meningkatkan pendapatan di kalangan penduduk dan peluang pendidikan menengah kepada penduduk daerah |
| 10. | KM 2 | Cadangan pengukuhan kemudahan kesihatan daerah dengan penambahbaikan perkhidmatan di Hospital Daerah Pekan, pembangunan klinik kesihatan baru dan naik taraf klinik-klinik desa | ▪ Akses kemudahan kesihatan bertaraf tinggi bagi penduduk daerah dan di kawasan berhampiran |
| 11. | KM 3 | Cadangan pengukuhan kemudahan keselamatan dengan pembangunan balai-balai polis baharu dan naiktaraf pondok polis sedia ada | ▪ Keselamatan kehidupan masyarakat yang terjamin |
| 12. | KM 4 | Cadangan pengukuhan kemudahan keagamaan Islam dengan pembangunan masjid baharu, pembangunan semula masjid sedia ada dan pembinaan surau baharu | ▪ Keselesaan beribadat di kalangan penduduk |

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| 13. | KM 5 | Cadangan pengukuhan kemudahan keagamaan bukan Islam | ▪ Keselesaan beribadat di kalangan penduduk |
| 14. | KM 6 | Cadangan pembesaran tanah perkuburan Islam dan penyediaan tanah perkuburan Islam baharu | ▪ Kawasan perkuburan yang terancang |
| 15. | KM 7 | Cadangan pembangunan kemudahan berpusat untuk masyarakat desa | ▪ Kemudahan perkhidmatan setempat kepada penduduk |
| 16. | TL 1 | Cadangan pembangunan Taman Bandar di Bandar Pekan | ▪ Kemudahan berekreasi yang terancang dan menarik kepada penduduk |
| 17. | TL 2 | Cadangan pembangunan Taman Tempatan di Bandar Tempatan Gugusan Chini dan Bandar Tempatan Nenasi | ▪ Kemudahan berekreasi yang terancang dan menarik kepada penduduk |
| **Teras 2 : Pembangunan Infrastruktur yang Bersepadu** | | | |
| 1. | IU 2 | Cadangan menaik taraf Loji Rawatan Air Chini dengan membina kolam takungan tambahan | ▪ Bekalan air berterusan di musim kemarau |
| 2. | IU 3 | Cadangan menyiapkan projek pembekalan air bersih dari Tanjung Agas ke Nenasi | ▪ Bekalan air bersih sepanjang tahun |
| 3. | IU 4 | Cadangan meningkatkan kecekapan pembekalan air melalui penggantian paip usang | ▪ Sumber air bersih yang tidak terbazir dan boleh digunakan oleh penduduk |
| 4. | IU 6 | Cadangan kerja-kerja pendalaman dan penyelenggaraan berterusan muara Sungai Pahang | ▪ Keselamatan penduduk terjamin daripada ancaman banjir |
| 5. | IU 8 | Cadangan memperbaiki sistem saliran sedia ada di Bandar Pekan | ▪ Keselamatan penduduk terjamin daripada ancaman banjir |
| 6. | IU 10 | Cadangan membina loji-loji rawatan kumbahan baharu dan lain-lain langkah pengurusan sisa kumbahan yang berkesan | ▪ Jaminan kesihatan penduduk daripada pencemaran dan penyakit yang terhasil oleh kumbahan manusia |
| 7. | IU 11 | Cadangan menaik taraf sistem permintaan pengagihan bekalan dan meningkatkan kecekapan pembekalan tenaga | ▪ Kemudahan berinteraksi di atas talian |
| 8. | JL 2 | Cadangan jambatan menyeberangi Sungai Pahang menghubungkan Kg. Salong – Kg. Wah | ▪ Akses yang lebih mudah untuk melintasi sungai dan mendekatkan jarak antara pusat-pusat petempatan |
| 9. | JL 3 | Cadangan menaiktaraf persimpangan Lebuhraya Tun Razak (Laluan 12) / Jalan Batu Balik (82) kepada persimpangan bertingkat | ▪ Membolehkan pergerakan trafik yang selamat kepada pengguna |
| 10. | JL 5 | Cadangan menaiktaraf persimpangan di Jambatan Sultan Abu Bakar / Jalan Batu Balik kepada persimpangan bertingkat | ▪ Memudahkan perjalanan selamat pengguna di Jambatan Sultan Abu Bakar dan Jalan Batu Balik |
| 11. | JL 6 | Cadangan membina jalan penghubung dari Laluan Persekutuan 3 (FR3) melalui kawasan Perindustrian HICOM Peramu ke Jalan Tanah Putih (C101) | ▪ Mempercepatkan perjalanan dari kawasan Peramu ke kawasan Kuala Pahang |
| 12. | JL 7 | Cadangan jalan pintasan Jambatan Sultan Abu Bakar - Peramu-Tanah Putih (C101) melalui kawasan perindustrian Peramu (PIP) | ▪ Mengurangkan trafik dari Pekan *Bypass* terus melintasi Peramu dan terus ke Kuantan |
| 13. | JL 8 | Cadangan membina dan menaiktaraf jalan pesisir pantai Pekan - Kuantan bagi tujuan pelancongan (C101) | ▪ Menawarkan laluan pesisir pantai yang menarik kepada pengguna |

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| 14. | JL 9 | Cadangan menaiktaraf jalan dari Lebuhraya Tun Razak (C106) ke RPS Runchang dan jalan laterit dari Runchang ke Jeti *Black Water Jewel* | ▪ Menyediakan perjalanan yang lebih mudah ke Agropolitan Runcang ke kampung Orang Asli dan tarikan eko pelancongan Sungai Bebar |
| 15. | JL 10 | Cadangan laluan 'Pekan *Bypass*' dan persimpangan-persimpangan masuk ke Bandar Pekan | ▪ Perjalanan yang selamat bagi kenderaan berat di simpang utama kawasan perindustrian |
| 16. | JL 11 | Cadangan menaiktaraf persimpangan Laluan Persekutuan 3 di kawasan perindustrian Tanjung Agas kepada persimpangan bertingkat | ▪ Jalan masuk yang menarik dan selamat ke kawasan pulau-pulau di Sungai Pahang |
| 17. | JL 12 | Cadangan jambatan dan jalan penghubung Jalan Sultan Ahmad - Pulau Bugis – Pulau Enjin | ▪ Kawasan perniagaan di pulau-pulau Beram, Enjin, dan Bugis |
| 18. | JL 13 | Cadangan penggunaan teknologi *'Artificial Intelligence'* seperti *'Green Wave Synchronisation'* di persimpangan-persimpangan jarak dekat | ▪ Perjalanan yang selamat bagi kenderaan di kawasan sibuk di Pulau Beram |
| 19. | JL 14 | Cadangan perluasan konsep aliran trafik sehala di kawasan bandar bagi meningkatkan tahap perkhidmatan di persimpangan kawasan bandar | ▪ Menjadikan perjalanan di bandar lebih lancar dan selamat kepada pengguna |
| 20. | JL 15 | Cadangan pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki di Bandar Pekan | ▪ Menjadikan bandar lebih selamat dan menarik kepada pengguna basikal dan pejalan kaki |
| 21. | JL 16 | Cadangan penambahan papan-papan tanda, pembaikpulihan penanda jalan dan lampu-lampu jalan | ▪ Menjadikan perjalanan lebih mudah dan selamat |
| 22. | JL 17 | Cadangan menambahbaik kemudahan tempat letak kenderaan dan pelaksanaan caj tempat parkir kenderaan di kawasan Bandar Pekan | ▪ Memudahkan pengguna untuk pergi ke bandar menjalankan urusan |
| 23. | JL 18 | Cadangan mewujudkan rizab utiliti dalam rizab jalan | ▪ Ketiadaan aktiviti pembinaan di atas jalan meningkatkan keselamatan |
| 24. | JL 19 | Cadangan perluasan jaringan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan tumpuan perbandaran dan menaiktaraf hentian bas sedia ada | ▪ Membolehkan pengguna bas dan teksi menggunakan pengangkutan ini dengan lebih baik dan selesa |
| 25. | JL 20 | Cadangan pembangunan Pekan Sentral yang merangkumi terminal bas dan teksi serta lot-lot perkedaian dan kemudahan perjalanan | ▪ Membolehkan orang ramai menggunakan satu kemudahan pengangkutan awam lengkap dan selesa |
| 26. | JL 21 | Cadangan menaiktaraf tapak Agro Bazar Jalan Pekan-Rompin kepada kawasan persinggahan pengguna jalanraya | ▪ Menyediakan tempat persinggahan kepada pengguna jalan raya untuk tujuan membeli belah barang setempat |
| 27. | JL 22 | Cadangan membina *'Truck Centre'* dan tempat parkir kenderaan berat | ▪ Menyediakan tempat yang selamat kepada kenderaan berat untuk berhenti berehat |
| **Teras 3: Pertumbuhan Ekonomi yang Berdaya Saing** | | | |
| 1. | IN 2 | Cadangan pembangunan Kawasan Industri IKS Peramu Jaya | ▪ Meningkatkan ekonomi daerah dan peluang pekerjaan kepada penduduk |
| 2. | IN 3 | Cadangan pembangunan Kawasan Industri Perkhidmatan Sungai Miang | ▪ Menawarkan kawasan yang selesa kepada pengguna mendapatkan industri perkhidmatan |
| 3. | IN 4 | Cadangan peningkatan taraf Kawasan IKS Pulau Serai | ▪ Memperbaiki keadaan IKS supaya dapat menarik lebih ramai pengguna |
| 4. | IN 5 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Padang Rumbia | ▪ Menawarkan kawasan yang selesa untuk menyediakan produk-produk industri desa oleh orang kampung |
| 5. | IN 6 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Kuala Pahang | ▪ Menawarkan kawasan yang selesa untuk menyediakan produk-produk industri desa oleh orang kampung |

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| 6. | IN 7 | Cadangan pembangunan Kompleks Industri Desa Chini | ▪ Menawarkan kawasan yang selesa untuk menyediakan produk-produk industri desa oleh orang kampung |
| 7. | PN 1 | Cadangan penaiktarafan kawasan komersial di petempatan sedia ada (Bandar Utama dan Bandar Tempatan) | ▪ Pembangunan bandar yang lebih menarik kepada pengunjung |
| 8. | PN 3 | Cadangan pembangunan komersial moden di Pulau Bugis dan Pulau Enjin | ▪ Ruang lantai moden untuk aktiviti perniagaan kepada peniaga dan peluang pekerjaan kepada penduduk |
| 9. | PN 4 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar PPK Baru Paloh Hinai | ▪ Menawarkan kemudahan membeli belah yang menarik dan lebih baik kepada penduduk |
| 10. | PN 5 | Cadangan pembangunan Pusat Bandar Simpang Tiga Chini | ▪ Menawarkan kemudahan membeli belah yang menarik dan lebih baik kepada penduduk |
| 11. | PN 6 | Cadangan pembangunan tapak-tapak penjaja di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) | ▪ Kemudahan membeli belah yang lebih baik kepada penduduk desa |
| 12. | PN 7 | Cadangan penaiktarafan medan-medan Selera Majlis Daerah Pekan | ▪ Memberi kemudahan makan minum yang selesa dan peluang berniaga kepada penduduk luar bandar |
| 13. | PP 1 | Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Projek Jelapang Padi IADA Pekan | ▪ Memastikan jaminan makanan dan bekalan nasi berterusan bagi daerah pekan semasa bencana |
| 14. | PP 2 | Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tanaman dan TKPM Ternakan | ▪ Menyediakan kawasan yang baik untuk menghasilkan makanan daripada buah-buahan, sayur-sayuran dan daging dan hasil susu ternakan |
| 15. | PP 3 | Cadangan pengekalan dan pewartaan Rizab Padang Ragut | ▪ Memastikan kawasan untuk tanaman ternakan dipelihara bagi jaminan makanan daging |
| 16. | PP 5 | Cadangan pengekalan kawasan tanah pertanian Kelas 2 di luar Koridor Pembangunan Daerah | ▪ Memastikan tanah pertanian yang baik tidak digunakan untuk tujuan lain untuk jaminan makanan |
| 17. | PP 6 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman padi | ▪ Jaminan makanan kepada penduduk |
| 18. | PP 7 | Cadangan peningkatan produktiviti lain-lain tanaman (Agro Makanan) | ▪ Jaminan makanan kepada penduduk |
| 19. | PP 11 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman kelapa sawit | ▪ Meningkatkan hasil pendapatan dari tanaman sawit bagi daerah |
| 20. | PP 12 | Cadangan peningkatan produktiviti tanaman getah | ▪ Meningkatkan pendapatan dari tanaman getah kepada pengusaha terutama pengusaha kebun kecil |
| 21. | PP 13 | Cadangan pembangunan aktiviti penternakan ruminan secara sistem fidlot dan intensif | ▪ Penghasilan hasil ternakan dan jaminan makanan daging kepada penduduk |
| 22. | PP 15 | Cadangan peningkatan bilangan premis dan produktiviti sarang burung walit secara mesra alam | ▪ Kawalan supaya aktiviti sarang burung walit tidak mengganggu kehidupan masyarakat |
| 23. | PP 17 | Cadangan peningkatan sumber perikanan di kawasan perairan umum | ▪ Jaminan sumber makanan dari sumber hutan |
| 24. | PP 18 | Cadangan penggalakan aktiviti perikanan laut dalam | ▪ Jaminan sumber makanan dari sumber hutan |
| 25. | PP 19 | Cadangan pengurusan dan memperkayakan sumber perikanan marin | ▪ Jaminan sumber makanan dari sumber hutan |
| 26. | PP 20 | Cadangan pembangunan dan penaiktarafan sistem saliran dan pengairan di Kawasan Jelapang Padi IADA Pekan | ▪ Meningkatkan hasil padi bagi jaminan makanan |

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| 27. | PP 22 | Cadangan pembangunan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil tani Lepar | ▪ Membolehkan hasil tanaman pengusaha dikumpul dan dipasarkan secara terancang seterusnya meningkatkan hasil pendapatan |
| 28. | PP 23 | Cadangan pembangunan bengkel pemprosesan produk hiliran tani Tanah Putih | ▪ Menyediakan kawasan yang selesa untuk memproses produk dan meningkatkan pendapatan penduduk |
| 29. | PP 24 | Cadangan pembangunan Pusat Latihan Akuakultur Pekan | ▪ Meningkatkan kemahiran pengusaha dan pekerja industri akuakultur dan meningkatkan pendapatan penduduk |
| 30. | PL 1 | Cadangan pembangunan tarikan Jejak Warisan Bandar Diraja Pekan | ▪ Peningkatan kesedaran warisan bandar lama dikalangan penduduk dan pelancong |
| 31. | PL 3 | Cadangan pengukuhan aktiviti *heritage river tour* di Sungai Pahang | ▪ Menawarkan peluang aktiviti pelancongan berasaskan sungai yang melibatkan penduduk |
| 32. | PL 4 | Cadangan perluasan dan pengukuhan aktiviti pelancongan warisan budaya di Kompleks Budaya Pulau Keladi | ▪ Penghayatan penduduk tempatan kepada budaya daerah serta peningkatan tarikan pelancong bagi meningkatkan pendapatan |
| 33. | PL 6 | Cadangan pembangunan tarikan pelancongan acara, MICE, pendidikan dan penyelidikan | ▪ Meningkatkan peluang penduduk dalam ekonomi pelancongan secara lebih menyeluruh |
| 34. | PL 8 | Cadangan pembangunan pusat eko pelancongan *Black Water Jewel* Runchang dan agropelancongan Agropolitan Runchang | ▪ Membolehkan masyarakat Orang Asli membangun dan memperoleh pendapatan daripada hasil pelancongan |
| 35. | PL 9 | Cadangan pembangunan pusat rekreasi air di Sungai Miang | ▪ Menawarkan kawasan rekreasi yang menarik kepada penduduk |
| 36. | PL 11 | Cadangan pembangunan pusat aktiviti rekreasi dan pelancongan di Nenasi | ▪ Meningkatkan aktiviti pelancongan di Nenasi dan menambahkan pendapatan penduduk |
| 37. | PL 12 | Cadangan pengukuhan produk sumber jaya Air Terjun Lata Mentagan | ▪ Menjadikan kawasan Air Terjun Lata Mentagan lebih selesa dan selamat dikunjungi |
| 38. | PL 14 | Cadangan pembangunan pakej-pakej pelancongan (*Tourism Trails*) Pekan | ▪ Meningkatkan pulangan sektor pelancongan dan meningkatkan pendapatan penduduk |
| **Teras 4: Pembangunan Hijau dan Pengurusan Alam Sekitar Mampan** | | | |
| 1. | AS 1 | Cadangan langkah-langkah kawalan, mitigasi dan pengurusan kebakaran hutan paya gambut | ▪ Menghindarkan pencemaran udara dan bau serta risiko keselamatan kepada penduduk |
| 2. | AS 5 | Cadangan program pencegahan pencemaran dan peningkatan (PPP) kualiti air di lembangan Sungai Pahang | ▪ Keselamatan penggunaan air sungai sebagai sumber air mentah kepada pembekalan air penduduk |
| **Teras 5: Tadbir Urus Efektif dan Efisien** | | | |
| 1. | TU 2 | Cadangan Pejabat Cawangan Majlis Daerah Pekan di PPK Simpang Tiga Chini | ▪ Kemudahan pentadbiran majlis bagi kawasan sebelah tengah dan barat Daerah Pekan mudah sampai kepada penduduk yang terlibat |
| 2. | TU 3 | Cadangan pengukuhan organisasi Majlis Perbandaran Pekan | ▪ Pengukuhan perkhidmatan majlis untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat |
| 3. | TU 4 | Cadangan pengukuhan pengurusan kawasan Biosfera Tasik Chini dan CFS Tasik Chini | ▪ Pemeliharaan kawasan biosphera untuk generasi masa depan dan peningkatan hidup masyarakat Orang Asli |
| 4. | TU 5 | Cadangan pembangunan bangunan pejabat baharu IADA Pekan | ▪ Memberi kemudahan untuk menguruskan keperluan kepada jaminan makanan daerah khususnya bagi tanaman padi |
| 5. | TU 6 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Bandar Pekan | ▪ Menyediakan perancangan lebih awal bagi meningkatkan warisan bandar |

| Bil | Kod | Nama Projek | Impak Positif Utama dan Golongan Mendapat Manfaat |
|---|---|---|---|
| 6. | TU 7 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Pekan Peramu | ▪ Menyediakan perancangan awal untuk memperbaiki persekitaran kehidupan kawasan Peramu |
| 7. | TU 8 | Cadangan menyediakan Rancangan Kawasan Khas di Pekan Nenasi | ▪ Menyediakan perancangan awal untuk memperbaiki persekitaran kehidupan kawasan Nenasi |
| 8. | TU 9 | Cadangan kajian sumber air di dalam mencari kemungkinan menggunakan kaedah alternatif lain di masa hadapan | ▪ Menjamin kesediaan sumber air yang bersih kepada rakyat |
| 9. | TU 10 | Cadangan kajian kesan kenaikan paras air laut kepada kawasan persisiran pantai Daerah Pekan | ▪ Memastikan keselamatan kehidupan masyarakat persisir pantai |
| 10. | TU 11 | Cadangan kajian tahap penerobosan air masin di sungai-sungai utama Daerah Pekan | ▪ Memastikan bekalan air bersih dan selamat pada masa hadapan |
| 11. | TU 12 | Cadangan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi Bandar Pekan – Peramu | ▪ Memastikan keselamatan penduduk bandar tidak terjejas daripada ancaman banjir |
| 12. | TU 13 | Cadangan kajian kemungkinan membina kincir angin di pantai muara Sungai Pahang | ▪ Menjamin bekalan tenaga yang berterusan |
| 13. | TU 14 | Cadangan kajian persempadanan kawasan projek IADA Pekan | ▪ Menjamin integriti kawasan pertanian padi ke arah jaminan makanan kepada masyarakat |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

# 4.0 PENILAIAN KEMAMPANAN

**Laporan Penilaian Kemampanan** merangkumi aspek-aspek pengurusan sosio-ekonomi, pengurusan alam sekitar serta elemen-elemen yang sensitif kepada aktiviti pembangunan akan dibentuk untuk menilai implikasi-implikasi serta mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil untuk meminimumkan kesan negatif yang timbul, berikutan pelaksanaan cadangan-cadangan pembangunan, terutamanya kesan-kesan negatif yang terpaksa dihadapi oleh penduduk setempat. Laporan ini disediakan dengan menuruti satu proses penilaian perterusan mengikut carta alir di **Rajah 4.1**.

Isu kemampanan dan indikator kemampanan yang telah dikenal pasti di peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan telah dijadikan asas di dalam penentuan cadangan-cadangan projek, program dan kawalan. Aspek pencapaian dan sasaran pencapaian yang dibentuk selaras dengan objek kemampanan yang digariskan.

**Rajah 4.1 : Proses Penyediaan Penilaian Kemampanan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**



## 4.1 ISU KEMAMPANAN DAERAH PEKAN

Sebanyak 20 isu kemampanan Daerah Pekan telah dikenal pasti melibatkan lima (5) isu kemampanan fizikal, enam (6) isu kemampanan sosial, empat (4) isu kemampanan ekonomi dan lima (5) isu kemampanan alam sekitar. Isu strategik kemampanan dalam kategori fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang menjadi asas kepada pembentukan objektif pembangunan mampan, kriteria penilaian dan indikator pembangunan mampan ditunjukkan dalam **Jadual 4.1**.




**Jadual 4.1 : Isu-isu Kemampanan Daerah Pekan**

| Kod | Isu Kemampanan |
|---|---|
| **Isu Kemampanan Fizikal** | |
| F1 | Ketidakseimbangan pembangunan daerah dengan tumpuan kawasan tepu bina termasuk perniagaan sedia ada di sekitar Bandar Pekan – Peramu - Kuala Pahang dan beberapa pusat petempatan sedia ada |
| F2 | Kawasan tepu bina bandar-bandar pertanian FELDA dan FELCRA membentuk kawasan petempatan utama luar bandar yang perlu diberi perhatian dari aspek kemudahan perbandaran |
| F3 | Keperluan mengukuhkan perkampungan tradisi dan kampung Orang Asli dan termasuk keperluan memelihara kampung-kampung warisan yang terletak di dalam sempadan perbandaran, termasuk dari aspek industri desa agar mampu meningkatkan ekonomi penduduk |
| F4 | Keperluan memanfaatkan kelebihan semula jadi bandar seperti kawasan landskap yang luas dan pinggiran sungai serta ciri-ciri warisan sejarah di dalam pembentukan imej Bandar Diraja yang kukuh |
| F5 | Risiko hakisan pantai Tahap 3 (Muara Sungai Miang – Kampung Tering) dan risiko kebakaran hutan paya gambut di Runchang |
| **Isu Kemampanan Sosial** | |
| S1 | Taburan penduduk yang tidak seimbang dengan kepadatan yang rendah menyukarkan usaha bagi menyalurkan pelbagai kemudahan dan peluang pekerjaan kepada penduduk |
| S2 | Pertambahan pembangunan perumahan yang tidak seimbang di dalam Daerah Pekan dalam bentuk taman perumahan berskala kecil tanpa kemudahan masyarakat |
| S3 | Keperluan meningkatkan tahap perkhidmatan yang menyeluruh institusi dan kemudahan masyarakat kepada penduduk bandar dan luar bandar |
| S4 | Keperluan menangani masalah pembekalan air pada musim kering, kehilangan air terawat dan ancaman kepada pembekalan sumber air mentah seperti kemasukan air masin ke loji rawatan serta pencemaran/kekurangan isipadu air sungai |
| S5 | Keperluan menangani bencana banjir yang menjejaskan ekonomi dan keselesaan kehidupan masyarakat |
| S6 | Keperluan pengukuhan perkhidmatan perbandaran mengikut hierarki, meningkatkan tadbir urus yang efektif dengan memperkemaskan sistem penyampaian, penggalakkan pembangunan bandar bagi perolehan pendapatan yang lebih baik dan pengawalan perancangan yang tepat selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) |

| Kod | Isu Kemampanan |
|---|---|
| **Isu Kemampanan Ekonomi** | |
| E1 | Keperluan meningkatkan keberkesanan sistem dan fasiliti berkaitan utiliti untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan menyokong pembangunan perbandaran masa hadapan |
| E2 | Keperluan meningkatkan kecekapan rangkaian jalan dan persimpangan khususnya kawasan bandar dan jalan luar bandar dan fasiliti kemudahan pengangkutan awam darat dan mewujudkan pengangkutan air untuk tujuan pelancongan |
| E3 | Produktiviti pertanian yang masih boleh dipertingkatkan tanpa pembukaan kawasan pertanian baru |
| E4 | Keperluan untuk mengukuhkan produk dan ikon pelancongan daerah serta kemudahan sokongan pelancongan |
| **Isu Kemampanan Alam Sekitar** | |
| A1 | Keperluan aktiviti perlombongan daerah di usahakan secara mampan |
| A2 | Penawaran tanah industri yang berlebihan melebihi keperluan sebenar pelabur dan berpotensi menjejaskan kepentingan alam sekitar |
| A3 | Pengurangan kawasan berhutan yang ketara sejak awal tahun 2000 sehingga sekarang menjejaskan persekitaran alam sekitar |
| A4 | Sungai-sungai di Lembangan Sungai Pahang, Sungai Bebar dan Sungai Merchong berisiko menerima bahan pencemar sungai dari pembukaan tanah, perladangan/pertanian, operasi perindustrian dan perlombongan berpunca di hulu (termasuk di luar kawasan kajian) |
| A5 | Kerapuhan Tasik Chini; kualiti, kuantiti air tasik dan biodiversiti termasuk keperluan meningkatkan usaha pemantauan dan pengawalan aktiviti perlombongan di Tasik Chini |

Nota: F = Fizikal; S = Sosial; E = Ekonomi; A = Alam Sekitar

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

## 4.2 OBJEKTIF DAN INDIKATOR KEMAMPANAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Objektif dan indikator pembangunan mampan bagi Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2 : Pernyataan Isu Strategik, Objektif Pembangunan Mampan dan Penentuan Indikator Pembangunan Mampan**

| Bil. | Isu Strategik | Objektif Kemampanan | Kriteria Penilaian | Indikator Kemampanan |
|---|---|---|---|---|
| **Kemampanan Fizikal** | | | | |
| F1 | Ketidakseimbangan pembangunan daerah dengan tumpuan kawasan tepu bina termasuk perniagaan sedia ada di sekitar Bandar Pekan – Peramu - Kuala Pahang dan beberapa pusat petempatan sedia ada | ▪ Pembangunan daerah secara terancang dan seimbang di dalam zon perbandaran. | ▪ Adakah RT akan mampu mengawal ketidakseimbangan pembangunan daerah? | ▪ Bilangan koridor / nodus pembangunan baru di kawasan strategik luar kawasan tumpuan sedia ada<br>▪ Bilangan projek perbandaran yang diluluskan di kawasan nodus pembangunan baru |
| F2 | Kawasan tepubina bandar-bandar pertanian FELDA dan FELCRA membentuk kawasan petempatan utama luar bandar yang perlu diberi perhatian dari aspek kemudahan perbandaran | ▪ Petempatan utama luar bandar yang lengkap dengan kemudahan perbandaran yang berkualiti | ▪ Adakah RT akan dapat menggalakkan pengukuhan petempatan utama luar bandar semasa dan yang dirancang? | ▪ Petempatan luar bandar yang mempunyai kemudahan selaras dengan hierarki perbandarannya. |
| F3 | Keperluan mengukuhkan perkampungan tradisi dan kampung Orang Asli dan termasuk keperluan memelihara kampung-kampung warisan yang terletak di dalam sempadan perbandaran, termasuk dari aspek industri desa agar mampu meningkatkan ekonomi penduduk desa | ▪ Kampung tradisi dan kampong orang asli yang terpelihara dengan ekonomi desa yang mampan | ▪ Adakah RT akan dapat memelihara kampung tradisi dan kampong orang asli serta membangunkan ekonomi desa? | ▪ Kampung tradisi dengan kekuatan warisan sejarah terpelihara<br>▪ Kampung orang asli yang lengkap dengan kemudahan dan infrastruktur |
| F4 | Keperluan memanfaatkan kelebihan semula jadi bandar seperti kawasan landskap yang luas dan pinggiran sungai serta ciri-ciri warisan sejarah di dalam pembentukan imej Bandar DiRaja yang kukuh | ▪ Imej Bandar DiRaja yang kukuh menggunakan kelebihan semula jadi dan warisan sejarah | ▪ Adakah RT telah dapai meningkatkan imej Bandar dan daerah ? | ▪ Nodus bandar dengan karektor yang ketara<br>▪ Jalan protocol<br>▪ *Lingkages* antara nodus bandar |
| F5 | Risiko hakisan pantai Tahap 3 (Muara Sungai Miang – Kampung Tering) dan risiko kebakaran hutan paya gambut di Runchang | ▪ Pantai dan kawasan KSAS terpelihara | ▪ Adakah RT dapat memelihara kawasan KSAS dan persisiran pantai | ▪ Peratusan / keluasan kawasan KSAS yang terpelihara |

| Bil. | Isu Strategik | Objektif Kemampanan | Kriteria Penilaian | Indikator Kemampanan |
|---|---|---|---|---|
| **Kemampanan Sosial** | | | | |
| S1 | Taburan penduduk yang tidak seimbang dengan kepadatan yang rendah menyukarkan usaha bagi menyalurkan pelbagai kemudahan dan peluang pekerjaan kepada penduduk | ▪ Taburan penduduk yang seimbang untuk capaian kemudahan dan peluang pekerjaan | ▪ Adakah RT dapat merancangkan taburan penduduk yang lebih seimbang? | ▪ Capaian kemudahan bagi nisbah penduduk pusat perkhidmatan dan kawasan desa<br>▪ Peluang pekerjaan di seluruh daerah |
| S2 | Pertambahan pembangunan perumahan yang tidak seimbang di dalam Daerah Pekan dalam bentuk taman perumahan berskala kecil tanpa kemudahan masyarakat | ▪ Pembangunan perumahan yang serba lengkap dengan kemudahan selaras dengan permintaan penduduk daerah | ▪ Adakah RT dapat merancangkan kawasan perumahan yang lengkap dengan kemudahan? | ▪ Capaian kemudahan perumahan dengan kemudahan tersedia secara seimbang seluruh daerah |
| S3 | Keperluan meningkatkan tahap perkhidmatan yang menyeluruh institusi dan kemudahan masyarakat kepada penduduk bandar dan luar bandar | ▪ Tahap perkhidmatan institusi dan kemudahan masyarakat yang menyeluruh kepada penduduk bandar dan luar bandar | ▪ Adakah RT dapat merancangkan kemudahan masyarakat dan institusi untuk kesejahteraan kehidupan penduduk? | ▪ Lingkungan perkhidmatan kemudahan masyarakat dan institusi |
| S4 | Keperluan menangani masalah pembekalan air pada musim kering, kehilangan air terawat dan ancaman kepada pembekalan sumber air mentah seperti kemasukan air masin ke loji rawatan serta pencemaran/kekurangan isipadu air sungai | ▪ Pembekalan air yang selamat dan berdayaharap | ▪ Adakah RT dapat merancangkan pembekalan air yang selamat dan berdaya harap? | ▪ Pembekalan air yang bersih dan effisien |
| S5 | Keperluan menangani bencana banjir yang menjejaskan ekonomi dan keselesaan kehidupan masyarakat | ▪ Persiapan menghadapi banjir | ▪ Adakah RT dapat mengurangkan kekerapan dan kawasan liputan banjir? | ▪ Bilangan kekerapan banjir dalam setahun<br>▪ Kawasan perbandaran yang terdedah kepada banjir |
| S6 | Keperluan pengukuhan perkhidmatan perbandaran mengikut hierarki, meningkatkan tadbir urus yang efektif dengan memperkemaskan sistem penyampaian, penggalakan pembangunan bandar bagi perolehan pendapatan yang lebih baik dan pengawalan perancangan yang tepat selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) | ▪ Tadbir urus efektif dan perkhidmatan perbandaran terbaik bagi Majlis Perbandaran Pekan (MPP - cadangan) | ▪ Adakah RT dapat menyediakan kawalan perancangan yang efektif untuk peningkatan tadbir urus dan perkhidmatan perbandaran? | ▪ Keluasan kawasan operasi MPP<br>▪ Pelaksanaan projek mengikut zoning RT yang disediakan |

| Bil. | Isu Strategik | Objektif Kemampanan | Kriteria Penilaian | Indikator Kemampanan |
|---|---|---|---|---|
| **Kemampanan Ekonomi** | | | | |
| E1 | Keperluan meningkatkan keberkesanan sistem dan fasiliti berkaitan utiliti untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan menyokong pembangunan perbandaran masa hadapan | ▪ Liputan bekalan utiliti yang lebih menyeluruh untuk menyokong pembangunan perbandaran dan meningkatkan kualiti hidup penduduk daerah. | ▪ Adakah RT dapat meningkatkan aksesibiliti dan kadar liputan bekalan utiliti yang lebih menyeluruh? | ▪ Taburan bekalan perkhidmatan utiliti<br>▪ Keberkesanan bekalan utiliti (jumlah gangguan setahun) |
| E2 | Keperluan meningkatkan kecekapan rangkaian jalan dan persimpangan khususnya kawasan bandar dan jalan luar bandar dan fasiliti kemudahan pengangkutan awam darat dan mewujudkan pengangkutan air untuk tujuan pelancongan | ▪ Perhubungan dan pergerakan lalu lintas serta perkhidmatan pengangkutan awam antara daerah yang lebih lancar dan tahap mobiliti barangan yang lebih baik. | ▪ Adakah RT merancangkan rangkaian jalan daerah yang lebih baik?<br>▪ Adakah RT meningkatkan perkhidmatan pengangkutan dan mobiliti barangan? | ▪ Tahap perkhidmatan rangkaian jalan di bandar dan jalan-jalan strategik<br>▪ Tahap sirkulasi dan tempat letak kenderaan di pusat bandar<br>▪ Rangkaian, liputan dan kekerapan perkhidmatan pengangkutan awam |
| E3 | Produktiviti pertanian yang masih boleh dipertingkatkan tanpa pembukaan kawasan pertanian baru | ▪ Peningkatan produktiviti pertanian dan sumberjaya desa secara komersial dan mesra alam. | ▪ Adakah RT meningkatkan produktiviti pertanian dan sumberjaya desa?<br>▪ Adakah RT merancangkan infrastruktur pertanian yang menyeluruh dan berkesan? | ▪ Keluasan kawasan tanah pertanian terbiar<br>▪ Produktiviti tanaman<br>▪ Produktiviti ternakan haiwan<br>▪ Produktiviti akuakultur |
| E4 | Keperluan untuk mengukuhkan produk dan ikon pelancongan daerah serta kemudahan sokongan pelancongan | ▪ Mercu tanda/ikon pelancongan bagi mempertingkatkan ekonomi pelancongan daerah. | ▪ Adakah RT akan mewujudkan ikon pelancongan daerah? | ▪ Kesediaan ikon pelancongan daerah<br>▪ Bilangan ruang aktif bandar/nodus bandar |

| Bil. | Isu Strategik | Objektif Kemampanan | Kriteria Penilaian | Indikator Kemampanan |
|---|---|---|---|---|
| **Kemampanan Alam Sekitar** | | | | |
| A1 | Keperluan aktiviti perlombongan daerah di usahakan secara mampan | ▪ Sektor perlombongan mampan | ▪ Adakah RT dapat memastikan amalan perlombongan secara mampan? | ▪ Jumlah lombong mesra alam<br>▪ Lombong sifar di dalam KSAS |
| A2 | Penawaran tanah industri yang berlebihan melebihi keperluan sebenar pelabur dan berpotensi menjejaskan kepentingan alam sekitar | ▪ Pembangunan kawasan industri terancang yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti. | ▪ Adakah RT akan mewujudkan kawasan industri terancang?<br>▪ Adakah RT membangunkan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi untuk menyokong pembangunan industri? | ▪ Keluasan/Peratusan kawasan industri terancang yang dibangunkan<br>▪ Bilangan kemasukan pelabur/kadar pertumbuhan industri |
| A3 | Pengurangan kawasan berhutan yang ketara sejak awal tahun 2000 sehingga sekarang menjejaskan persekitaran alam sekitar | ▪ Kawasan hutan dan berhutan yang terpelihara dengan pengeluaran sumber secara mampan | ▪ Adakah RT dapat memastikan kawasan KSAS hutan terpelihara? | ▪ Keluasan kawasan hutan<br>▪ Pembalakan haram sifar |
| A4 | Sungai-sungai di Lembangan Sungai Pahang, Sungai Bebar dan Sungai Merchong berisiko menerima bahan pencemar sungai dari pembukaan tanah, perladangan/pertanian, operasi perindustrian dan perlombongan berpunca di hulu (termasuk di luar kawasan kajian) | ▪ Kawasan sungai dan lembangan yang terjaga dari anasir pencemaran | ▪ Adakah RT dapat memastikan kawasan sungai terjaga? | ▪ Bilangan pencemaran berisiko sifar |
| A5 | Kerapuhan Tasik Chini; kualiti, kuantiti air tasik dan biodiversiti termasuk keperluan meningkatkan usaha pemantauan dan pengawalan aktiviti perlombongan di Tasik Chini | ▪ Peningkatan kelestarian Tasik Chini | ▪ Adakah RT dapat meningkatkan ke kelestarian Tasik Chini? | ▪ Tahap pencemaran<br>▪ Biodiversiti Tasik Chini |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

## 4.3 OBJEKTIF KEMAMPANAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Objektif pembangunan mampan bagi Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3 : Objektif Pembangunan Mampan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan |
|---|---|---|
| 1. | OK1 | Pembangunan daerah secara terancang dan seimbang di dalam zon perbandaran |
| 2. | OK2 | Petempatan utama luar bandar yang lengkap dengan kemudahan perbandaran yang berkualiti |
| 3. | OK3 | Kampung tradisi dan kampung Orang Asli yang terpelihara dengan ekonomi desa yang mampan |
| 4. | OK4 | Imej Bandar Diraja yang kukuh menggunakan kelebihan semula jadi dan warisan sejarah |
| 5. | OK5 | Pantai dan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) terpelihara |
| 6. | OK6 | Taburan penduduk yang seimbang untuk capaian kemudahan dan peluang pekerjaan |
| 7. | OK7 | Pembangunan perumahan yang serba lengkap dengan kemudahan selaras dengan permintaan penduduk daerah |
| 8. | OK8 | Tahap perkhidmatan institusi dan kemudahan masyarakat yang menyeluruh kepada penduduk bandar dan luar bandar |
| 9. | OK9 | Pembekalan air yang selamat dan berdaya harap |
| 10. | OK10 | Persiapan menghadapi banjir di kawasan pinggir sungai dan kawasan perbandaran |
| 11. | OK11 | Tadbir urus efektif dan perkhidmatan perbandaran terbaik |
| 12. | OK12 | Liputan bekalan utiliti yang lebih menyeluruh untuk menyokong pembangunan perbandaran dan meningkatkan kualiti hidup penduduk daerah |
| 13. | OK13 | Perhubungan dan pergerakan lalu lintas serta perkhidmatan pengangkutan awam antara daerah yang lebih lancar dan tahap mobiliti barangan yang lebih baik |
| 14. | OK14 | Peningkatan produktiviti pertanian dan sumber jaya desa secara komersial dan mesra alam |
| 15. | OK15 | Mercu tanda/ikon pelancongan bagi mempertingkatkan ekonomi daerah |
| 16. | OK16 | Sektor perlombongan mampan |
| 17. | OK17 | Pembangunan daerah yang terancang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti |
| 18. | OK18 | Kawasan hutan dan berhutan yang terpelihara dengan pengeluaran sumber secara mampan |
| 19. | OK19 | Kawasan sungai dan lembangan yang terjaga dari anasir pencemaran |
| 20. | OK20 | Peningkatan kelestarian Tasik Chini |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*

## 4.4 SASARAN PENCAPAIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PEKAN 2035 (PENGGANTIAN)

Sasaran kemampanan Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian) adalah seperti di **Jadual 4.4**. Pencapaian *Sustainable Davelopment Goals* (SDG's) bagi setiap satu sasaran kemampanan juga disenaraikan.

**Jadual 4.4 : Sasaran Pencapaian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)**

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan | Aspek Pencapaian | Keadaan Semasa 2019 | Sasaran Pencapaian 2035 | Pencapaian SDG's |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | OK1 | Pembangunan daerah secara terancang dan seimbang di dalam zon perbandaran | ▪ Taburan pembangunan tepu bina | ▪ Pembangunan tepu bina tertumpu di Bandar Pekan - Peramu | ▪ Pembangunan tepu bina diarahkan ke kawasan luar dari Bandar Pekan; iaitu di nodus bahagian barat seperti Kg. Batu 8 Lepar- Paloh Hinai, Simpang 3 Chini, dan di sekitar Gugusan Chini dan nodus selatan di Tg Batu-Nenasi | 1, 2, 3, 4, 8, 9, 10, 11, 13 |
| 2. | OK2 | Petempatan utama luar bandar yang lengkap dengan kemudahan perbandaran yang berkualiti | ▪ Hierarki Petempatan luar bandar | ▪ 11 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) | ▪ 7 PPD sahaja<br>▪ Bandar Utama diperluaskan dengan PPK Kuala Pahang (2019) dan PPD Tg Agas (2019) digabungkan dalam Bandar Utama Pekan<br>▪ PPK Batu 8 Lepar digabungkan dengan PPD Paloh Hinai menjadi PPK<br>▪ PPD Sg. Miang dinaikkan hieraki kepada PPK | 1, 2, 3, 4, 8, 9, 10, 11, 13 |
| 3. | OK3 | Kampung tradisi dan kampung Orang Asli yang terpelihara dengan ekonomi desa yang mampan | ▪ Kawasan pentempatan masyarakat Orang Asli yang terpelihara | ▪ Kurang daripada 10% kampung Orang Asli telah diukur dan diwartakan sempadannya | ▪ 100% sempadan kampung tradisi dan kampung Orang Asli telah diukur dan diwartakan | 1, 2, 3, 4, 8, 9, 10, 11, 13 |
| 4. | OK4 | Imej Bandar Diraja yang kukuh menggunakan kelebihan semula jadi dan warisan sejarah | ▪ Pengukuhan Imej Bandar Diraja | ▪ Komponen landskap bandar yang mempunyai reka bentuk ciri Diraja<br>▪ Kampung dan bangunan warisan sebahagiannya tidak terjaga | ▪ Kawasan Diraja yang khusus dizonkan dan dimajukan dengan komponen tarikan pelancongan Diraja<br>▪ Komponen landskap bandar dengan reka bentuk ciri Diraja lebih ketara dan lebih banyak<br>▪ Kampung dan bangunan warisan dipelihara dengan baik dan dibangunkan sebagai produk pelancongan warisan budaya | 1, 2, 3, 4, 8, 9, 10, 11, 13 |

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan | Aspek Pencapaian | Keadaan Semasa 2019 | Sasaran Pencapaian 2035 | Pencapaian SDG's |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | OK5 | Pantai dan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) terpelihara | ▪ Pemeliharaan KSAS Pantai | ▪ 7 kawasan pantai mengalami hakisan berisiko Tahap 3 | ▪ KSAS bersepadu melibatkan kawasan Persisiran Pantai (3 batu nautika ke laut dan 5 kilometer ke darat) sebagai KSAS bencana yang perlu dipatuhi<br>▪ Tahap pelaksanaan dan pematuhan 100% menurut Garis Panduan pembangunan di kawasan pantai oleh Kajian *National Coastal Erosion Study* (NCES) 2015 | 11, 13, 14, 15 |
| 6. | OK6 | Taburan penduduk yang seimbang untuk capaian kemudahan dan peluang pekerjaan | ▪ Taburan penduduk | ▪ Penduduk tertumpu di kawasan Mukim Pekan dan Mukim Kuala Pahang | ▪ Penduduk tertumpu di Mukim Pekan, Mukim Kuala Pahang dan mukim-mukim disekitarnya serta di beberapa kawasan nodus pembangunan utama di bahagian tengah dan barat Daerah Pekan | 1, 3, 5, 10, 11 |
| 7. | OK7 | Pembangunan perumahan yang serba lengkap dengan kemudahan selaras dengan permintaan penduduk daerah | ▪ Jumlah unit rumah di Daerah Pekan | ▪ 28,573 unit tersedia | ▪ Peningkatan unit rumah sehingga mencapai 46,000 unit dengan kemudahan yang baik | 3, 4, 8, 9, 10, 11, 15 |
| 8. | OK8 | Tahap perkhidmatan institusi dan kemudahan masyarakat yang menyeluruh kepada penduduk bandar dan luar bandar | ▪ Tahap perkhidmatan institusi dan kemudahan masyarakat | ▪ 80% memenuhi keperluan penduduk | ▪ 100% memenuhi keperluan penduduk | 1, 2, 3, 4, 9, 10, 11, 16 |
| 9. | OK9 | Pembekalan air yang selamat dan berdaya harap | ▪ Daya harap bekalan air<br>▪ Pembekalan air berterusan<br>▪ Ancaman kepada sumber air bersih | ▪ 52% NRW<br>▪ 239 km paip usang<br>▪ Gangguan bekalan semasa kemarau<br>▪ Pembinaan telaga tiub di kawasan perlu<br>▪ Hampir 80% telah disiapkan<br>▪ Ancaman kemasukan air laut terutama di musim kemarau | ▪ 40% NRM (penurunan kadar sebanyak 0.8% setahun)<br>▪ Kesemua paip AC usang digantikan (2025)<br>▪ Pembinaan sebuah *Off River Storage* di muka sauk LRA Chini<br>▪ Peluasan penggunaan telaga tiub meliputi 50% dari kawasan petempatan Daerah Pekan<br>▪ Kawasan Nenasi – Merchong akan menikmati bekalan air bersih dari sistem perpaipan (2023)<br>▪ Pembinaan struktur baraj di Sg. Pahang disiapkan pada tahun 2030 | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan | Aspek Pencapaian | Keadaan Semasa 2019 | Sasaran Pencapaian 2035 | Pencapaian SDG's |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10. | OK10 | Persiapan menghadapi banjir di kawasan pinggir sungai dan kawasan perbandaran | ▪ Mengurangkan ancaman banjir di kawasan berisiko di pinggir sungai<br>▪ Mengurangkan ancaman banjir di kawasan perbandaran yang berisiko | ▪ Kawasan petempatan sekitar tebing Sg. Pahang sering dilanda banjir<br>▪ Kawasan industri Peramu dan tambahan masa depan berisiko menghadapi banjir dan banjir kilat<br>▪ Perparitan di taman perumahan usang dan tersumbat | ▪ Kejadian banjir dan banjir kilat di kawasan berisiko sedia ada (pinggir sungai dan kawasan perbandaran) di cegah pada tahun 2030 | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |
| 11. | OK11 | Tadbir urus efektif dan perkhidmatan perbandaran terbaik | ▪ Perkhidmatan perbandaran lebih baik | ▪ Perkhidmatan perbandaran di tahap Majlis Daerah | ▪ Peningkatan perkhidmatan perbandaran di tahap Majlis Perbandaran | 11, 16, 17 |
| 12. | OK12 | Liputan bekalan utiliti yang lebih menyeluruh untuk menyokong pembangunan perbandaran dan meningkatkan kualiti hidup penduduk daerah | ▪ Pembekalan elektrik<br>▪ Sumber tenaga boleh diperbaharui<br>▪ Liputan telekomunikasi | ▪ 230.5 MVA pembekalan elektrik semasa<br>▪ Tiada bekalan dari sumber boleh diperbaharui (solar dan tenaga angin)<br>▪ 70% kawasan liputan 4G | ▪ 505 MVA lebih dari mencukupi permintaan pada tahun 2035 iaitu 308.3 MVA<br>▪ Pembekalan sekurang-kurangnya 105 MW dari sumber boleh diperbaharui<br>▪ Seluruh Bandar Pekan dan kawasan industri utama dilengkapi dengan gentian optik yang pantas, seluruh kawasan utama Daerah Pekan dilitupi dengan kemudahan 4G (2025) | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |
| 13. | OK13 | Perhubungan dan pergerakan lalu lintas serta perkhidmatan pengangkutan awam antara daerah yang lebih lancar dan tahap mobiliti barangan yang lebih baik | ▪ Perhubungan dalaman bandar dan antara bandar<br>▪ Mobiliti barangan yang lebih baik | ▪ Hubungan daerah, antara bandar dan desa masih ditahap yang kurang lancar<br>▪ Kenderaan berat diletakkan di tempat kurang selamat | ▪ Rangkaian jalan yang lebih baik dengan pembinaan jalan-jalan baru dan naik taraf jalan<br>▪ Terminal Pengangkutan Awam (Pekan Sentral) yang baharu<br>▪ Tiga (3) tapak tempat parkir kenderaan berat | 3, 4, 8, 9, 10, 11, 15 |

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan | Aspek Pencapaian | Keadaan Semasa 2019 | Sasaran Pencapaian 2035 | Pencapaian SDG's |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 14. | OK14 | Peningkatan produktiviti pertanian dan sumber jaya desa secara komersial dan mesra alam | ▪ Tahap produktiviti pertanian | ▪ Produktiviti pertanian masih di tahap kurang baik | ▪ Jaminan makanan melalui peningkatan produktiviti daerah untuk kegunaan mandiri dan ekspot;<br>▪ Produktiviti Tanaman<br>– Sawit (BTS) = 30.0 tan/ hek./ tahun<br>– Getah = 2,000 kg/ hek./tahun<br>– Padi = 8.0 tan/hek./tahun<br>– Sayur = 15.00 tan/hek./tahun<br>– Buah = 7.50 tan/hek./tahun<br>▪ Nisbah Penternakan;<br>– Lembu = 100 ekor/penternak<br>– Kambing/Bebiri = 300 ekor/penternak<br>– Ayam = 30,000 ekor/penternak/pusingan<br>– Sistem Reban Ayam Tertutup : 100% | 8, 12, 13 |
| 15. | OK15 | Mercu tanda/ikon pelancongan bagi mempertingkatkan ekonomi daerah | ▪ Produk pelancongan mampan | ▪ Pelancongan tertumpu hanya di beberapa produk pelancongan sahaja | ▪ Pelancongan secara integrasi dengan pembentukan koridor-koridor pelancongan dan penawaran produk pelancongan lebih bermutu. | 8, 12, 13 |
| 16. | OK16 | Sektor perlombongan mampan | ▪ Kawalan aktiviti perlombongan | ▪ Perlombongan di kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini<br>▪ Aktiviti perlombongan sering mengundang masalah pencemaran dan kacau ganggu | ▪ Semua perlombongan di dalam kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini dihentikan apabila tamat tempoh permit pengeluaran.<br>▪ Mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral dan Garis Panduan Eksplorasi Mineral Perindustrian (2035). | 8, 12, 13 |
| 17. | OK17 | Pembangunan daerah yang terancang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti | ▪ Rawatan kumbahan yang baik<br>▪ Pengurusan sisa yang baik | ▪ Tiada rawatan kumbahan berpusat<br>▪ Penggunaan kaedah konvensional di TP Kledang dan TP Chini Ibam tidak berfungsi | ▪ Dua (2) pusat rawatan kumbahan berpusat di Bandar Pekan.<br>▪ Kemudahan *transfer station* bagi Daerah Pekan disiapkan (tahun 20250) dan kawasan tapak pelupusan semasa telah ditutupi mengikut kaedah selamat. | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |

| Bil. | Kod | Pernyataan Objektif Pembangunan Mampan | Aspek Pencapaian | Keadaan Semasa 2019 | Sasaran Pencapaian 2035 | Pencapaian SDG's |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 18. | OK18 | Kawasan hutan dan berhutan yang terpelihara dengan pengeluaran sumber secara mampan | ▪ Pemeliharaan hutan | ▪ Kawasan hutan yang terancam oleh kebakaran hutan dan pengeluaran tanpa kawalan | ▪ Pemeliharaan sepenuhnya kawasan Hutan Simpan Kekal dengan pengeluaran sumber hutan secara mampan.<br>▪ Risiko kebakaran hutan minima.<br>▪ Tahap pelaksanaan dan pematuhan 100% menurut Garis Panduan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) dan Program Pembangunan Sumber Hutan. | 8, 13, 15 |
| 19. | OK19 | Kawasan sungai dan lembangan yang terjaga dari anasir pencemaran | ▪ Pemeliharaan badan air | ▪ Beberapa sungai sederhana tercemar | ▪ Semua sungai-sungai mencapai tahap kualiti air bersih.<br>▪ Tahap pelaksanaan dan pematuhan 100% menurut Garis Panduan pembangunan di kawasan pantai dan sungai oleh Kajian *National Coastal Erosion Study* (NCES) 2015. | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |
| 20. | OK20 | Peningkatan kelestarian Tasik Chini | ▪ Kelestarian Tasik Chini | ▪ Ancaman kelestarian Tasik Chini oleh aktiviti perlombongan | ▪ Semua ancaman kelestarian Tasik Chini dihentikan untuk memulihkan persekitaran ekosistem semula jadi dan merancakkan eko pelancongan di Tasik Chini. | 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14 |

*Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian), 2019.*